

media **prima**

ANNUAL REPORT 2004 / LAPORAN TAHUNAN 2004

PURE MAGIC



ANNUAL REPORT 2004 / LAPORAN TAHUNAN 2004

CONTENTS

2	NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING (AGM)
4	STATEMENT ACCOMPANYING NOTICE OF AGM
6	CHAIRMAN'S STATEMENT
14	OPERATIONS REVIEW
24	BOARD OF DIRECTORS
26	BOARD OF DIRECTOR'S PROFILE
36	SENIOR MANAGEMENT
38	CORPORATE INFORMATION
40	CORPORATE STRUCTURE
41	NETWORK COVERAGE AND PRINTING CENTRES
42	CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT
56	AUDIT COMMITTEE REPORT
66	STATEMENT OF INTERNAL CONTROL
82	AUDIENCE CHART
88	SHARE PRICE CHART
91	FINANCIAL HIGHLIGHTS
92	CHARTS
97	DIRECTOR'S REPORT
100	INCOME STATEMENTS
102	BALANCE SHEETS
104	CONSOLIDATED STATEMENT
105	COMPANY STATEMENT
106	CASH FLOW STATEMENTS
108	SUMMARY OF SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES
116	NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS
162	STATEMENT BY DIRECTORS / STATUTORY DECLARATION
163	REPORT OF THE AUDITORS
164	ANALYSIS OF SHAREHOLDINGS
174	LIST OF PROPERTIES
261	PROXY FORM

KANDUNGAN

3	NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
5	PENYATA BERSAMA NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
10	PENYATA Pengerusi
19	ULASAN OPERASI
24	LEMBAGA PENGARAH
26	PROFIL AHLI LEMBAGA PENGARAH
36	PENGURUSAN KANAN
38	MAKLUMAT KORPORAT
40	STRUKTUR KORPORAT
41	LIPUTAN SIARAN DAN PUSAT PERCETAKAN
49	PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
61	LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT
74	PENYATA KAWALAN DALAM
82	CARTA PENONTON
88	CARTA HARGA SAHAM
91	MAKLUMAT KEWANGAN
92	CARTA
179	LAPORAN JEMAAH PENGARAH
182	PENYATA PENDAPATAN
184	KUNCI KIRA-KIRA
186	PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI KUMPULAN
187	PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI SYARIKAT
188	PENYATA ALIRAN TUNAI
190	RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA
198	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
244	PENYATA OLEH JEMAAH PENGARAH / PENGAKUAN BERKANUN
245	LAPORAN JURUAUDIT
246	ANALISA PEGANGAN SAHAM
256	SENARAI HARTANAH
263	BORANG PROKSI

NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Fourth Annual General Meeting of MEDIA PRIMA BERHAD ("the Company") will be held at Ballroom 1, LG Level, Hotel Eastin, 13, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor on Thursday, 23 June 2005 at 10.00 am for the following purposes: -

AGENDA

1. To receive and adopt the Statutory Financial Statements for the financial year ended 31 December 2004 and the Reports of the Directors and Auditors thereon. (Resolution 1)
2. To re-elect the following Directors who retire in accordance with Article 101 and 102 of the Company's Articles of Association and being eligible, have offered themselves for re-election: -
 - (i) YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak (Resolution 2)
 - (ii) Encik Abdul Rahman bin Ahmad (Resolution 3)
3. To approve the Directors' fees of RM165,000.00 for the financial year ended 31 December 2004. (Resolution 4)
4. To re-appoint Messrs PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration. (Resolution 5)

AS SPECIAL BUSINESS

5. To consider and if thought fit, to pass the following Ordinary Resolution: -
* "That pursuant to Section 132D of the Companies Act 1965, the Directors be and are hereby authorised to issue shares in the Company at any time until the conclusion of the next Annual General Meeting and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may in their absolute discretion, deem fit provided that the aggregate number of shares to be issued does not exceed 10 percent of the issued share capital of the Company for the time being, subject always to the approval of all regulatory bodies being obtained for such allotment and issues." (Resolution 6)
6. To transact any other business of which due notice shall have been received.

BY ORDER OF THE BOARD

MOHD NOOR BIN RAHIM YAHAYA (MAICSA 0866820)
YUSLIZAL BIN MONEK (MAICSA 7003822)
Company Secretaries

Petaling
31 May 2005

Notes: -

1. A member of the Company entitled to attend and vote at the meeting is entitled to appoint one or more proxies (or in the case of a corporation, to appoint a representative) to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
2. The Proxy Form must be signed by the appointor or his attorney duly authorised in writing. In the case of a corporation, it shall be executed under its Common Seal or signed by its attorney duly authorised in writing or by an officer on behalf of the corporation.
3. The instrument appointing the proxy must be deposited at The Registrar, Symphony Share Registrars Services Sdn Bhd (formerly known as Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd), Level 26, Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time appointed for holding the meeting or any adjournment thereof.

* Ordinary Resolution 6, if passed, will give the Directors of the Company authority to issue ordinary shares in the Company at any time at their absolute discretion without convening a General Meeting. The authorisation will, unless revoked or varied by the Company at a General Meeting, expire at the next Annual General meeting.

AGENDA

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan MEDIA PRIMA BERHAD yang ke Empat akan diadakan di Ballroom 1, LG Level, Hotel Eastin, 13, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor pada hari Khamis, 23 Jun 2005 jam 10.00 pagi bagi tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut: -

AGENDA

1. Untuk menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Berkanun bagi tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2004 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. (Resolusi 1)
2. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 101 dan 102 Tataurusan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk perlantikan semula:-
 - (i) YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak (Resolusi 2)
 - (ii) Encik Abdul Rahman bin Ahmad (Resolusi 3)
3. Untuk meluluskan bayaran yuran Pengarah sebanyak RM165,000.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. (Resolusi 4)
4. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. (Resolusi 5)

SEBAGAI URUSAN KHAS:-

5. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-
 - * "Bahawa selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, Pengarah-pengarah dengan ini diberi kuasa menerbitkan saham-saham Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dengan terma dan syarat tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu yang Pengarah-pengarah, pada budi bicara mutlak mereka beranggapan patut, dengan syarat jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini, tertakluk sentiasa kepada kelulusan semua badan pengawalan berkenaan di perolehi untuk peruntukan dan terbitan sedemikian." (Resolusi 6)

6. Melaksanakan sebarang urusan biasa yang lain di mana notis yang secukupnya telah diberikan.

ATAS PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

MOHD NOOR BIN RAHIM YAHAYA (MAICSA 0866820)
YUSLIZAL BIN MONEK (MAICSA 7003822)
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Petaling
31 Mei 2005

Nota-nota:-

1. Setiap ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini, berhak melantik seorang atau lebih proksi (atau bagi syarikat yang diperbadankan, melantik seorang wakil) untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi tidak semestinya ahli Syarikat ini.
2. Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh orang yang melantiknya atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis. Bagi syarikat yang diperbadankan, ianya hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan Cop Mohor syarikat atau ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai bagi pihak syarikat tersebut.
3. Alat perlantikan proksi hendaklah dihantar ke Pendaftar, Symphony Share Registrars Services Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd), Aras 26, Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur tidak kurang dari 48 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat tersebut atau sebarang penangguhannya.
- * Resolusi biasa 6, jika diluluskan, akan memberikan para Pengarah Syarikat kuasa untuk menerbitkan saham-saham Syarikat atas budi bicara mutlak mereka dan pada bila-bila masa tanpa mengadakan Mesyuarat Agung. Kuasa ini, kecuali dimansuhkan atau diubah oleh Syarikat di dalam Mesyuarat Agung, akan tamat pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

STATEMENT ACCOMPANYING NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

1. Directors who are standing for re-election and re-appointment at the Fourth Annual General Meeting of Media Prima Berhad are: -

- (i) YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak (Resolution 2)
- (ii) Encik Abdul Rahman bin Ahmad (Resolution 3)

Details of the Directors seeking re-election and re-appointment are set out in the Board of Directors Profiles which appear from pages 26 to 35 of the Annual Report.

2. Date, time and place of the Annual General Meeting

Date : Thursday, 23 June 2005
Time : 10.00 am
Place : Ballroom 1, LG Level, Eastin Hotel, 13, Jalan 16/11
Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor.

3. Details of Attendance of Directors at Board Meetings

Seven (7) Board of Directors Meetings were held during the financial year ended 31 December 2004. Details of attendance of Directors at the Board Meetings are as follows: -

Name of Directors	No. of Meetings Attended
YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak	7
Encik Abdul Rahman bin Ahmad	7
Encik Shahril Ridza bin Ridzuan	7
YBhg Tan Sri Lee Lam Thye	6
YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	7

4. Place, date and time of the Board of Directors' Meeting

The place, date and hour of the Board Meetings held during the financial year ended 31 December 2004 are as follows: -

Date	Time	Place
29 January 2004*	3.30 p.m.	Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
24 February 2004	5.00 p.m.	Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
24 March 2004*	10.30 a.m.	Board Room, 5th Floor (New Wing), Balai Berita, 31 Jalan Riong, Kuala Lumpur
19 May 2004	10.45 a.m.	Mersawa and Meranti Room, LG Level Eastin Hotel, Seksyen 16, Petaling Jaya Selangor
27 August 2004	4.00 p.m.	Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
10 November 2004*	3.15 p.m.	Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
26 November 2004	4.20 p.m.	Board Room, Sri Pentas, No. 3 Persiaran

* Special Board Meeting

PENYATA BERSAMA NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

1. Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih dan dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang keempat Media Prima Berhad adalah : -

- (i) YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak (Resolusi 2)
 (ii) Encik Abdul Rahman bin Ahmad (Resolusi 3)

Butir Pengarah-pengarah yang menawarkan diri untuk dipilih dan dilantik semula adalah disediakan di Profil Ahli Lembaga Pengarah pada mukasurat 26 hingga 35 di dalam Laporan Tahunan ini.

2. Tarikh, Masa dan Tempat Mesyuarat

Tarikh: Khamis, 23 Jun 2005
 Masa : 10.00 pagi
 Tempat: Ballroom 1, LG Level, Eastin Hotel, 13, Jalan 16/11
 Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor.

3. Butir kehadiran Para Pengarah pada Mesyuarat Ahli Lembaga

Tujuh (7) Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2004. Butir-butir kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah seperti berikut: -

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri
YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak	7
Encik Abdul Rahman bin Ahmad	7
Encik Shahril Ridza bin Ridzuan	7
YBhg Tan Sri Lee Lam Thye	6
YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar	7

4. Lokasi, Tarikh dan Masa Mesyuarat Lembaga Pengarah

Tempat, tarikh dan masa Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut: -

Tarikh	Masa	Place
29 Januari 2004*	3.30 petang	Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
24 Februari 2004	5.00 petang	Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
24 Mac 2004*	10.30 pagi	Bilik Mesyuarat, Tingkat 5 (Sayap Baru), Balai Berita, 31 Jalan Riong, Kuala Lumpur
19 Mei 2004	10.45 pagi	Bilik Mersawa dan Meranti, Aras LG, Eastin Hotel, Seksyen 16, Petaling Jaya Selangor
27 Ogos 2004	4.00 petang	Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
10 November 2004*	3.15 petang	Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor
26 November 2004	4.20 petang	Bilik Mesyuarat, Sri Pentas, No. 3 Persiaran Bandar Utama, Petaling Selangor

* Mesyuarat Luarbiasa Lembaga Pengarah



Dear valued shareholders

On behalf of the Board of Directors, it is my great pleasure to present the Annual Report and Financial Statements of the Media Prima Berhad ("Media Prima/Group") for the financial year ended 31 December 2004.

CHAIRMAN'S

**YBHG DATO' ABDUL MUTALIB BIN
DATUK SERI MOHAMED RAZAK**

CHAIRMAN

I am extremely pleased with the progress that our Group has made since our Group's successful listing on the Main Board of Bursa Malaysia (formerly known as Kuala Lumpur Stock Exchange) on 22 October 2003. We have successfully established Media Prima as one of Malaysia's leading integrated media investment group with cross media interests in broadcasting via our equity interests in Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3"), and Metropolitan TV Sdn Bhd ("8TV"), newspaper publication via our associate stake in the New Strait Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP"), content creation, event management and outdoor advertising.

STATEMENT

During the year under review, Media Prima successfully executed the careful strategies formulated by the Board of Directors aimed at enhancing shareholders' value. 8TV, our second free-to-air television network was successfully launched on 8 January 2004 focusing primarily at the vernacular and young urban audience market, to enable the Group to compete more effectively in the highly competitive television industry.

Similarly, NSTP made a bold move to launch the New Straits Times compact edition initially in Klang Valley on 1 September 2004 and then nationwide the following month. We are pleased that the new and user-friendly newspaper format has gained wider acceptance which we hope will boost further the circulation of this newspaper.

The Group has continued with our strategy of building long term high value media brands, each strong, profitable and dominant within their own milieu, yet collectively capable of working together to deliver value added services to our clients and advertisers and distinctive content to our consumers.

In this context, TV3 remains the pillar of Media Prima's strength, reaffirming its position as the nation's leading free-to-air-television network. Supported by aggressive advertising and promotion campaigns, the Group has leveraged on TV3's branding and programming strategies built around the "best of breed" programming strategy to reach its key viewer segments more effectively.

Together with the strong start made by 8TV, collectively Media Prima's two television networks now have more than 53 per cent of the total television audience share, reaching over 3.25 million households and 15 million viewers daily.

NSTP's Malay publications continued with their strong performance shown in recent years and enjoyed significant increase in advertisement revenue and higher circulation, with total readership of nearly 2.7 million* daily. Its Malay tabloid, Harian Metro, and its Sunday version, Metro Ahad, continued to enjoy superlative growth with circulation and advertising revenue maintaining strong growth of 24% and 73% respectively in 2004.

By combining the operations of all our media assets, Media Prima is now better placed to realise increased operating efficiencies and synergies of content, revenue and resources within the Group. Further, it would enable Media Prima to provide a wider choice of media platforms and value added services to our clients and advertisers, and help them reach their target audience more effectively.

Going forward we will remain focus in expanding our media investment activities both at home and regionally. We will continue to explore new media platforms that we can invest in to complement our existing activities. In this regard, we are pleased to have recently announced our

* Source: AC Nielsen Media Index

entry into the radio industry via our acquisition of Perintis Layar Sdn Bhd, which owns a 75% equity stake in MAX Airplay Sdn Bhd, the company that has been appointed by Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MASSB") to operate and manage their radio station, Fly.FM.

Review of Operations

For the 12-month period ended 31 December 2004, the Group achieved a commendable performance with a consolidated pre-tax profit of RM49.4 million on the back of strong growth in group revenue of RM328.4 million. For the 16 month period ending 31 December 2003, Media Prima registered a pre-tax profit of RM178.3 million for the 16-month period ended 31 December 2003, which was mainly contributed by exceptional gains of RM145.4 million pursuant to the completion of TV3 Group's Debt Restructuring Scheme in August 2003.

This performance is attributed to the continued strong operational results of TV3, arising from strong growth in advertising revenue on the back of consistently high television audience viewership. Our investment in TV3 brand and best of breed content continued to bear dividends as TV3 managed to reinforce its leadership position among the free-to-air television networks, capturing 44 per cent share of the television audience in 2004. Accordingly, we are proud that TV3 has been able to secure 43 per cent of the television advertising expenditure (ADEX) against the backdrop of a highly competitive market environment where two new players entered into the market in 2004.

8TV has made great strides in its first year of operations and has quickly established its position as the hottest and most differentiated media brand in Malaysia. Our strategy to position 8TV to complement TV3 by super serving viewers under-served by TV3 was immediately successful where 8TV garnered more than 4% and 10% share in television audience and television ADEX respectively. Further, 8TV already established a very

strong platform in its two target markets (vernacular and urban youth segments) which we believe will provide a compelling proposition to advertisers targeting to reach these highly valued segment of consumers.

Accordingly, despite incurring the normal expected loss in the first year of operations, we expect 8TV to break even in the financial year ending 31 December 2005 and will be the future engine of growth for Media Prima in the medium term.

On the other hand, the year under review was a challenging period to NSTP, given the steep increase in newsprint prices, coupled with rising newsprint consumption arising from higher circulation achieved. NSTP however expeditiously took aggressive actions to address this challenging environment by investing in content and brand, reducing other overheads including undertaking a voluntary separation scheme and increasing cover price and advertising rates.

We are hopeful that these measures will be successful and NSTP's financial performance for the coming year will significantly improve.

Moving forward, Media Prima will build on its current success and strive for continued improvements in all aspects of its operations. We will also leverage on our strengths - internal synergies of content and resources - across all media platforms to better serve our clients.

Corporate Governance

Media Prima remains committed to ensuring that high standards of corporate governance are observed throughout the Group. In accordance with the Malaysian Code on Corporate Governance, the Board actively reviews and enhances the Group's systems of internal control and governance on a continuous basis to ensure that its business is managed ethically and conforms to accepted standards of best practice.

In this context, the Board adheres to three core values - transparency, accountability and integrity as the necessary platform to achieve strong corporate performance.

Media Prima operates in a constantly changing competitive environment where human creativity is paramount. In such environment, transparency, accountability and integrity at all levels of our organisation are critical to ensure that our Group is able to meet the expectations of all our stakeholders.

We will continue to improve on transparency and corporate governance processes and where possible surpass the expectations set in this area for the benefit of our shareholders.

Corporate Social Responsibility

Beyond enhancing our shareholders value, we are acutely aware that as one of Malaysia's most influential media group, Media Prima bears a huge responsibility in promoting and inculcating positive values towards our country's nation building process.

We will strive to fulfil that responsibility by upholding the highest integrity in our reporting, remaining true to our Malaysian culture and heritage within our programming whilst continuing to positively impact the lives of all Malaysians with our distinctive content.

We hope to educate as well as entertain and yet be fair in our reporting, by being innovative and exciting in producing our programmes.

In this context, I am pleased to report that we have continued this excellent corporate social responsibility tradition by continuing to promote important and just social causes. This is no better reflected than by the Group's effort during the recent Tsunami crisis where TV3, 8TV, NST and BH donation fund drive successfully collected approximately RM44.5 million for the victims.

Further NSTP, together with PricewaterhouseCoopers have successfully launched the NSTP-PwC Malaysian Humanitarian Award aimed at recognizing Malaysians who have performed acts of outstanding public service and gone beyond their normal call of duty to perform deeds of a humanitarian nature. TV3 Bersamamu Fund continued to receive strong support from the public with more than RM170,000.00 collected throughout all the Karnival Sure Heboh events during the year and will now be further expanded into a new reality programme, called *Bersamamu*.

In addition, TV3 continued to promote our strong heritage and cultural values through establishing events such as the Nyonya Kebaya and Songket projects.

Appreciation and Acknowledgement

As we end this financial year, on behalf of the Board, I would like to take this opportunity to thank my predecessor, YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, who resigned from the Board on 12 March 2005. The Group has benefited greatly from his guidance and wise counsel throughout our recent transformative years, and the Board wishes him all the best in his future undertakings.

I would also like to express my gratitude and appreciation to the management team and all employees of the Group for their unfaltering commitment, dedication and contribution. I would like to also thank all our shareholders, our valued customers and business associates for the unending support and the trust you have placed in us.

DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI MOHAMED RAZAK

Para pemegang saham yang saya hormati

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Media Prima Berhad ("Media Prima/Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

PENYATA PENGGERUSI

Saya amat berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Kumpulan sejak ia berjaya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) pada 22 Oktober 2003. Kami telah berjaya memartabatkan Media Prima sebagai salah satu kumpulan pelaburan media bersepadu yang terkemuka di Malaysia di mana ia mempunyai kepentingan di dalam pelbagai jenis media iaitu melalui kepentingan ekuiti di dalam Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3") dan Metropolitan TV Sdn Bhd ("8TV"), penerbitan akhbar menerusi pegangan bersekutu di dalam New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP"), penciptaan pengisian, pengurusan acara dan periklanan luar.

Di sepanjang tahun dalam tinjauan, Media Prima telah berjaya melaksanakan strategi penuh teliti yang dihasilkan oleh Lembaga Pengarah bagi tujuan meningkatkan nilai pemegang saham. 8TV, siaran televisyen percuma kedua telah berjaya dilancarkan pada 8 Januari 2004 dengan penumpuan utamanya ke arah pasaran vernakular dan golongan muda kota bagi membolehkan Kumpulan bersaing dengan lebih berkesan di dalam industri televisyen yang amat kompetitif ini.

Pada masa yang sama, NSTP juga telah mengambil langkah berani dengan melancarkan edisi kompak New Straits Times di peringkat awalnya di Lembah Kelang pada 1 September 2004 dan diikuti pula ke seluruh negara pada bulan berikutnya. Kami gembira kerana format akhbar yang mesra pengguna ini telah diterima oleh lebih ramai pembaca di mana kami berharap ia dapat meningkatkan lagi edaran akhbar ini.

Kumpulan telah meneruskan strategi kami dalam membina jenama media bernilai tinggi dalam jangka panjang, yang mana setiap satunya teguh, berkeuntungan dan menonjol dalam lingkungan mereka masing-masing, namun secara kolektifnya mampu bekerjasama untuk memberikan perkhidmatan tambah nilai kepada para pelanggan dan pengiklan serta pengisian yang istimewa dan tersendiri kepada para konsumen (penonton / pembaca).

Dalam aspek ini, TV3 kekal sebagai tunggak kekuatan Media Prima dengan mengukuhkan kedudukannya sebagai siaran televisyen percuma yang terunggul di negara. Dengan sokongan kempen periklanan serta promosi yang agresif, Kumpulan telah menggunakan pengaruh strategi penjenamaan serta pemrograman TV3 yang dibina berasaskan "hanya yang terbaik" bagi mencapai segmen penonton utamanya dengan lebih berkesan.

Seiring dengan permulaan 8TV yang cemerlang, kedua-dua rangkaian televisyen Media Prima secara kolektifnya kini meraih lebih daripada 53 peratus jumlah agihan penonton televisyen, menjangkau lebih 3.25 juta isi rumah dan 15 juta penonton setiap hari.

Penerbitan Melayu NSTP meneruskan prestasi yang memberangsangkan seperti yang dipamerkan dalam tahun-tahun kebelakang ini dan menikmati peningkatan penting dalam hasil periklanan serta edaran yang lebih tinggi, dengan jumlah pembaca hampir 2.7 juta* sehari. Tabloid bahasa Melayunya, Harian Metro, serta versi Ahad, Metro Ahad, terus menikmati pertumbuhan tertinggi dan kukuh di dalam edaran dan periklanan sebanyak 24% dan 73% dalam tahun 2004.

Dengan menggabungkan operasi kesemua aset media kami, Media Prima kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk merealisasi peningkatan dalam kecekapan operasi dan sinergi pengisian, hasil serta sumber di dalam Kumpulan. Malah, ia membolehkan Media Prima menawarkan pilihan platform media serta perkhidmatan tambah nilai yang lebih luas kepada para pelanggan dan pengiklan, di samping membantu mereka mencapai sasaran penonton dengan lebih berkesan lagi.

Dalam melangkah ke hadapan, kami akan tetap menumpu ke arah memperluaskan aktiviti pelaburan media, baik di dalam negara maupun di sekitar rantau ini. Kami akan terus menjelajah platform media baru yang boleh dijadikan pelaburan bagi menyokong aktiviti kami yang sedia ada. Seiring dengan itu, kami dengan sukacitanya telah mengumumkan kemasukan kami ke dalam industri radio baru-baru ini melalui pemerolehan Perintis Layar Sdn Bhd yang memiliki 75% pegangan ekuiti di dalam MAX Airplay Sdn Bhd, iaitu syarikat yang telah dilantik oleh Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MASSB") untuk mengendalikan dan menguruskan stesen radio mereka, Fly.FM.

Ulasan Operasi

Bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2004, Kumpulan telah mencapai prestasi yang boleh dibanggakan dengan untung sebelum cukai disatukan mencapai RM49.4 juta bersandarkan pertumbuhan yang kukuh di dalam hasil kumpulan, iaitu sebanyak RM328.4 juta. Bagi tempoh 16 bulan berakhir 31 Disember 2003, Media Prima telah mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM178.3 juta, yang mana sebahagian besarnya adalah sumbangan laba luar biasa bernilai RM145.4 juta, iaitu selaras dengan Skim Penstrukturan Semula Hutang Kumpulan TV3 dalam bulan Ogos 2003.

* Sumber: AC Nielsen Media Index

Prestasi ini adalah disebabkan hasil operasi TV3 yang terus utuh, berpunca daripada pertumbuhan yang kukuh di dalam hasil periklanan dan bertunjangan bilangan penonton televisyen yang kekal tinggi secara konsisten. Pelaburan kami di dalam penjenamaan serta pengisian terbaik yang dihasilkan TV3 terus menghasilkan pulangan, di mana TV3 berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju di kalangan siaran televisyen percuma dengan menawan 44 peratus perkongsian penonton televisyen bagi tahun 2004. Justeru itu, kami berbangga TV3 dapat memiliki 43 peratus perbelanjaan periklanan (ADEX) televisyen biarpun berhadapan dengan persekitaran pasaran yang sangat kompetitif di mana dua pemain baru telah memasuki pasaran dalam tahun 2004.

8TV telah mengorak langkah cemerlang dalam tahun pertama operasinya, dan dengan pantas telah menempa kedudukan sebagai jenama media yang popular dan paling berbeza di Malaysia. Strategi kami dalam meletakkan 8TV sebagai menyokong TV3 dengan memberikan layanan terhebat kepada penonton yang kurang dilayani oleh TV3 berjaya dengan serta-merta, di mana 8TV telah meraih lebih daripada 4% dan 10%, masing-masing di dalam agihan penonton dan ADEX televisyen. Malah, 8TV telah membentuk landasan yang amat kukuh buat dua sasaran pasarannya (segmen vernakular dan golongan muda kota) yang mana kami yakin dapat menawarkan ruang yang menarik kepada pengiklan yang mensasarkan untuk mencapai segmen pengguna yang mempunyai nilai yang amat tinggi ini.

Justeru itu, biarpun menanggung kerugian yang sememangnya dijangkakan dalam tahun pertama operasi, kami menjangka 8TV akan memberi pulangan modal di dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 dan akan menjadi penjana pertumbuhan bagi Media Prima dalam tempoh sederhana di masa hadapan.

Namun begitu, tahun di bawah tinjauan ini merupakan tempoh yang amat mencabar buat NSTP berdasarkan kenaikan tinggi dalam harga kertas serta kenaikan dalam penggunaan kertas yang timbul daripada

pencapaian edaran yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, NSTP dengan pantas telah mengambil tindakan yang agresif untuk mengatasi suasana yang mencabar ini dengan melabur di dalam kandungan serta jenama, mengurangkan overhead lain termasuk melaksanakan skim perpisahan sukarela selain meningkatkan harga kulit dan kadar iklan.

Kami berharap langkah-langkah ini akan berjaya dan prestasi kewangan NSTP untuk tahun akan datang akan meningkat dengan lebih banyak.

Melangkah ke hadapan, Media Prima akan memantapkan lagi kejayaannya sekarang dan berusaha untuk melakukan penambahbaikan yang berterusan dalam semua aspek operasinya. Kami juga akan menggunakan kekuatan kami - sinergi pengisian serta sumber dalaman - di semua platform media agar dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada para pelanggan kami.

Tadbir Urus Korporat

Media Prima kekal komited dalam memastikan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat dipatuhi di seluruh Kumpulan. Selaras dengan Tatacara Tadbir Urus Korporat Malaysia, pihak Lembaga Pengarah giat meneliti serta meningkatkan sistem kawalan dalaman dan tadbir urus Kumpulan secara berterusan bagi memastikan bahawa perniagaannya diuruskan secara beretika dan mematuhi piawaian amalan terbaik yang diterima pakai.

Dari segi ini, Lembaga Pengarah mematuhi tiga teras utama - ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti sebagai landasan yang perlu bagi mencapai prestasi korporat yang teguh.

Media Prima beroperasi dalam persekitaran yang kompetitif dan sering berubah di mana kreativiti insan adalah amat penting. Dalam persekitaran yang sebegini, ketelusan, kebertanggungjawaban serta integriti di semua peringkat organisasi adalah kritikal bagi memastikan Kumpulan kami berupaya memenuhi jangkaan kesemua pemegang saham kami.

Kami akan terus memperbaiki proses ketelusan serta tadbir urus korporat dan sekiranya mungkin, berhasrat melangkaui jangkaan yang ditetapkan di dalam aspek ini, demi faedah para pemegang saham kami.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Selain mempertingkatkan nilai para pemegang saham kami, kami amat menyedari bahawa sebagai salah sebuah kumpulan media yang paling berpengaruh di Malaysia, Media Prima menggalas tanggungjawab yang besar dalam menggalak serta memupuk nilai-nilai positif ke arah proses pembangunan negara.

Kami akan berusaha untuk memenuhi tanggungjawab tersebut dengan mempertahankan integriti tertinggi dalam laporan yang dipaparkan, kekal setia kepada budaya dan warisan Malaysia di dalam pemrograman kami di samping terus memberikan kesan positif kepada kehidupan warga Malaysia dengan pengisian kami yang tersendiri.

Kami berharap dapat mendidik di samping menghibur namun tetap tegas dan adil dalam memberikan laporan, bertindak inovatif serta mengujakan ketika menerbitkan program-program kami.

Selaras dengan ini, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kami telah meneruskan tradisi tanggungjawab sosial korporat yang cemerlang ini dengan terus mempromosi usaha-usaha penting serta keadilan sosial. Tiada yang lebih baik yang dapat menggambarkan keadaan ini melainkan usaha yang dilakukan Kumpulan sewaktu terjadinya bencana Tsunami di mana tabung sumbangan TV3, 8TV, NST dan BH telah berjaya mengumpul lebih kurang RM44.5 juta untuk mangsa bencana.

Malah, NST bersama dengan Pricewaterhouse Coopers telah berjaya melancarkan Anugerah Kemanusiaan Malaysia NSTP-PwC yang bertujuan mengiktiraf mereka yang telah memberikan khidmat kemasyarakatan yang cemerlang serta bertindak menjangkau tanggungjawab biasa bagi

melaksanakan kebaikan yang berbentuk kemanusiaan. Tabung TV3 Bersamamu terus menerima sokongan padu daripada masyarakat awam dengan lebih daripada RM170,000.00 berjaya dikumpul di kesemua acara Karnival Sure Heboh yang diadakan di sepanjang tahun dan ia kini akan diperpanjangkan menjadi sebuah program realiti baru yang dinamakan *Bersamamu*.

Selain itu, TV3 terus mempromosi nilai-nilai warisan serta budaya kita yang begitu utuh melalui kewujudan prokek-projek seperti Nyonya Kebaya dan Songket.

Penghargaan dan Pengiktirafan

Sebagai penutup tirai tahun kewangan ini, saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi terdahulu, YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, yang telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah pada 12 Mac 2005. Kumpulan telah meraih begitu banyak faedah hasil daripada bimbingan dan nasihatnya yang bernas di sepanjang tahun-tahun kebelakang peralihan ini, dan Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam usahanya di masa hadapan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan pengurusan serta semua pekerja di dalam Kumpulan di atas komitmen, dedikasi serta sumbangan mereka yang tidak berbelah bagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang saham, pelanggan serta rakan niaga kami yang dihargai di atas sokongan padu serta keyakinan berterusan yang telah anda berikan kepada kami.

DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI MOHAMED RAZAK

OPERATIONS REVIEW

Media Prima - forging ahead

The period under review marks a critical year to Media Prima as the Group focused its effort to consolidate its position as one of Malaysia's leading integrated media investment group, on the back of its successful listing on the Main Board of Bursa Malaysia (formerly known as the Kuala Lumpur Stock Exchange) on 22 October 2003.

During the year, Media Prima continued our focus to leverage on the strengths of our individual media assets - in broadcasting via TV3 and 8TV, newspaper publication via NSTP, content creation via our in-house production and Grand Brilliance Sdn Bhd ("GBSB"), event management via Tiga Event Sdn Bhd ("TESB") and outdoor advertising via the Right Channel Sdn Bhd.

Our strategy is simple - to make each of the media asset under the Group, the preferred medium of choice within their own industry whilst at the same time harnessing the synergy between these media platforms to value add and generate additional revenue.

More importantly, we believe we have been able to build on a strong foundation to be a network catalyst in offering value added services to our clients and advertisers and distinctive content to our consumers via our multitude of media platforms.



Through our media platforms, Media Prima offers an unparalleled reach to advertisers for them to communicate with their target consumers. With the successful launch of 8TV in January 2004, collectively Media Prima's two television networks, TV3 and 8TV now have more than 53 per cent of the total television audience share, reaching over 3.25 million households and 15 million viewers daily.

NSTP's four daily publications, the New Straits Times, Berita Harian, the Malay Mail and Harian Metro now has a combined daily circulation of more than 591,000 copies*, impacting the lives of more than 3.1 million** readers. Further, Harian Metro/Metro Ahad which has seen superlative growth in recent years has continued to perform strongly, achieving 24% and 73% growth in circulation and advertising revenue respectively in 2004.

Going forward, we aim to explore new investment opportunities that will enable us to acquire new media platforms both at home as well as regionally. In this context, we are pleased to recently announce our entry into the radio industry through our acquisition of Perintis Layar Sdn Bhd, which owns 75% equity stake in Max Airplay Sdn Bhd, the company which has been awarded the contract by Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MASSB") to operate and manage the new radio station, Fly.FM

Strong Financial Performance

We are pleased to note that amongst a competitive media environment, our Group recorded strong and commendable financial performance during the year under the review. Media Prima registered a consolidated pre-tax profit of RM49.4 million on the back of strong growth in group revenue of RM328.4 million for the financial year ended 31 December 2004.

For the 16 month period ending 31 December 2003, Media Prima registered a pre-tax profit of RM178.3 million for the 16-month period ended 31 December 2003, which was mainly contributed by exceptional gains of RM145.4 million pursuant to the completion of TV3 Group's Debt Restructuring Scheme in August 2003.

Source : * Audit Bureau of Circulations
** AC Nielsen Media Index

This performance is mainly attributed to the robust financial results of TV3, which continues to be the main driver of earnings for the Group. During the year, TV3 benefited from strong growth in advertising revenue consequent to its continuing success to deliver high television viewership and audience ratings to advertisers and its aggressive marketing and branding efforts.

Despite its expected investment gestation period losses, 8TV successfully secured strong revenue in its maiden year of operations given its successful launch in January 2004. We are confident that 8TV will break even in the year ending 31 December 2005 and will be the engine and growth for the Group going forward.

The Group's strong financial performance is also due to the lower interest costs arising from the successful refinancing of its RM125m Bonds with a lower yielding Medium Term Notes and Commercial Notes. The successful refinancing exercise also indicates the confidence of the financial and investment community in our group.

More importantly, our efforts to rejuvenate operations through investment in brand, content, human capital and consumer service have borne immediate results and provide the Group with a strong platform to excel in the future.

TV3 - continued leadership position

During the year under review, TV3 reinforced its position as Malaysia's leading free-to-air television network, leveraging on its continued improvements on the programming strategy driven by its desire to exceed the expectations of the advertisers and viewers.

Our emphasis on the best-of-breed programmes catering to the key viewer segments - mass market, women, Chinese, kids and teens, and professionals, managers, entrepreneurs and businessmen (PMEB) - has been instrumental to our ability in maintaining TV3's market leadership.

We are extremely delighted with the overwhelming success of Euro 2004 where TV3 and 8TV were given exclusive broadcasting rights to the month long tournament in Portugal which attracted over 5.2 million television viewers in Malaysia.

Our top rated programmes - *Senario*, *999*, *Explorace* - continued to draw large viewers and strong support from advertisers. The high rating programmes attracted over 3 million viewers, including a high of 3.67 million for *Senario* now in its 10th year of production. *Buletin Utama*, *Misteri Nusantara* and *Majalah 3* also maintained high ratings and advertising revenue. During the year, TV3 through its wholly-owned subsidiary Grand Brilliance Sdn Bhd, also promoted three made for TV movies - *Buli*, *I Know What You did Last Raya* and *Tujuh Perhentian*.

By far, the biggest success was TV3's *Karnival Sure Heboh*, an eight-month road show throughout Malaysia, including Sabah and Sarawak and culminating with the grand finale at the Bukit Jalil Stadium in August 2004. The *Sure Heboh* event was not only commercially successful but also able to provide TV3 direct access with its viewers and expand its business beyond the TV medium through a series of on-ground marketing activities throughout the country.



Despite intense competition in the free-to-air television segment with the introduction of two new players during the year under review, TV3 successfully maintained its leadership position by securing 44% and 43% share of television viewership and television advertising expenditure.

Leveraging on TV3's strong brand equity and appeal across the key market segments and the positive outlook of the Malaysian economy, we are confident TV3 will maintain its strong operational performance despite the emergence of new media players.

8TV - future engine of growth

The success of 8TV, which was successfully launched on 8 January 2004, exceeded all expectations. 8TV quickly established itself as the hottest and most differentiated new media brand in Malaysia.

Primarily targeting at the young urban and vernacular audience, 8TV achieved a number of milestones in its first year of operations including exclusive "live" broadcast rights to the Grammy Awards and the Academy Awards apart from securing the exclusive joint broadcast rights with TV3 for Euro 2004.

Despite its newcomer position, during the year under review 8TV successfully won a number of international recognitions, including the Promo Challenge trophy and two silver awards at the Promax Asia/BDA Awards 2004 for creative excellence. 8TV also captured two awards at the Malaysian Video Awards 2004 - gold award for Best Station Promo and bronze award for Best Use of Motion Graphic Design. To top it all, 8TV was named the "coolest TV station in Malaysia" in the *2005 The Star 2 Poll* amongst young readers.



In 2004 8TV also managed to secure the globally successful "Idol" franchise. The first season of *Malaysian Idol* was a resounding success, attracting over 13,000 participants during the audition rounds and nearly 2 million viewers during the airing of the weekly talent search show.

The appeal of 8TV was reflected by its strong debut, capturing 4 per cent share of viewership within its first year of operations. More importantly, 8TV has made significant inroads in the viewership share of its targeted audience among the Chinese and young urban market segments.

Consequently, within its first year of operations 8TV successfully secured more than 10 per cent share of the total television advertising expenditure. With its expanded coverage now covering all of the West Coast of Peninsular and Kuantan, we are confident 8TV will financially break even in the year ending 31 December 2005 and will be one of group's key earnings drivers going forward.

Grand Brilliance Sdn Bhd ("GBSB") - expanding the content business

As one of Malaysia's leading and largest content producer, GBSB's focus during the year continued in delivering exciting and sought after content either via feature films or television.

During the period under review, GBSB successfully formulated a strategic plan which outlined the detailed strategy required to bring GBSB to remain as the country's premier content production house and to ensure its continued success.

On the film production front, GBSB continues to produce commercially and critically successful films whilst also nurturing new creative talents. GBSB successfully produced "*Buli*", which performed commendably at the box office despite it being a directorial debut strong competition in the market.

GBSB also produced "*I Know What You Did Last Raya*" which was one of the highest grossing local movies in 2004. As part of its strategy to address the heightened competition prevailing within the domestic movie industry, GBSB embarked on a three-movie joint venture with Metrowealth Movies Production of which 2 was released in 2004 and performed creditably at the box office.

GBSB also continued producing quality and highly rated made for television movies and drama series for the Group, including "*Miftahul Jannah*" which was awarded the coveted Anugerah Seri Angkasa 2004 for Best Telemovie. of the Year. Further, GBSB managed to procure sales of TV3 programmes to Bridges TV, a US Islamic cable channel for the first time since its incorporation.

Moving forward, GBSB intends to leverage on the Group's strategy of being a holistic media platform by careful execution of its strategic plan including its focus to produce high quality content and expanding its content distribution business by selling into regional markets.

Tiga Events Sdn Bhd ("TESB") - developing high value franchise events

As the event management arm of the Group, during the period under review TESB was successful in organizing large-scale events such as the Euro 2004 Roadshow, Euro 2004 Street Party, Explorace Street Party and Fiesta Pulau Indah Treasure Hunt.

Pursuant to its consolidation exercise undertaken, TESB has emerged as a more focused entity during the period under review. Further, it is envisaged that TESB will continue to carve a niche in its event business by focusing on high value franchise base events and provide a strong support to the Group's strategy to provide seamless advertising solution to clients.

Going forward TESB is planning on a number of high value franchise based events such as *Disney On Ice Princess Classics*, which we believe we provide high earnings potential for the group.

TV3 Network Limited, Ghana - a successful turn around story

TV3 Network Limited ("TV3 Network"), one of Media Prima's subsidiary companies, is Ghana's leading private free-to-air television network. TV3 Network broadcasts high quality entertainment and informative programmes to the people of Ghana.

At the recent Ghana Radio and Television Awards 2004 event, the station was named 'The Best TV Station of the Year', and won eight of the 16 awards at the RTV Awards. Further, TV3 Network was also chosen as 'The Station of the Year in 2004' and the Sports Station of the Year 2004 by the Radio and TV Guide and the National Sports Journalists Association.

For the period under review, TV3 Network successfully turned around its financial performance and recorded its maiden profit from operations of RM4.21 million contributed by its strong revenue growth of RM13.35 million pursuant to the expansion of its transmission in Kumasi area. To build on this success, TV3 Network has continued to invest in equipment and installed automated systems to further enhance the operational efficiencies of the station.

Further with the turn around in its financial performance, Media Prima hopes to extract further value in its investment in Ghana by evaluating the possibility of listing TV3 Network on the Ghana Stock Exchange.

NSTP - remaining strong and resilient

The year under review has been a challenging year for NSTP. NSTP recorded a pre-tax profit of RM12.51 million from total revenue of RM523.8 million for the financial year ended 31 December 2004 arising from improved performance of its core publishing business and gain arising from the disposal of its insurance subsidiary. The Group reported a pre-tax loss of RM185.5 million for the 16-month period ended 31 December 2003.

To address the key challenges facing NSTP, a number of key initiatives were undertaken. In particular, significant improvements were made to the editorial content, including the revamp of the New Straits Times (NST) with the launch of the compact edition in September 2004. We are pleased to note that the improved presentation and editorial content gained wide acceptance as reflected by the increase in NST circulation after the launch of compact edition.

The Group also benefited from the strong growth of the Bahasa Malaysia newspapers, both in terms of circulation and advertising revenue. *Harian Metro* continued its impressive growth in recent year and firmly establish its position as the fastest growing newspaper in Malaysia.

In addition to the NST revamp and major improvements in editorial content of the Group's newspapers and publications, NSTP has also improved its distribution system, focusing on front-line services, sales development and focused on expanding its client base.

However, rising newsprint prices remains a key concern for all newspaper groups. Newsprint prices continued to increase, rising from US\$450 per metric ton in 2003 to US\$530 in 2004, and expected to go up to US\$630 in 2005.

To address these challenges going forward, NSTP has undertaken a number of initiatives including to reduce other overheads via a Voluntary Separation Scheme to improve the Group's mix of resources.

NSTP also closed down non-core subsidiaries during the year under review - Rampaian Media Sdn Bhd and Marican Sdn Bhd (magazine and periodical distribution arms), Berita Information Systems Sdn Bhd (IT-related subsidiary) and dispose of Commerce Assurance Bhd (formerly known as AMI Insurans Bhd) to the Commerce Assets Holdings Group.

Further, NSTP has raised its cover price for all its publications save for NST and increased its advertising rates for all publications save for MM in line with industry levels.

We are confident that these measures will be successful and NSTP will deliver improved financial performance for the coming years.

Corporate Social Responsibility - to be a caring corporate citizen

To reflect its caring corporate citizenship, the Group also undertook many social activities for the benefit of the public. During the tsunami disaster in

December 2004, the Group set up the NST-BH-TV3-8TV Malaysian Tsunami Disaster Fund and successfully collected approximately RM44.5 million from its subsidiaries and the public. The Group also played a role in enabling its employees to support the tsunami relief efforts. A total of 120 employees from TV3 and 8TV volunteered their services to help the victims in Penang and Kedah who were badly hit by the disaster.

Further NSTP, together with PricewaterhouseCoopers have successfully launched the NSTP-PwC Malaysian Humanitarian Award aimed at recognizing Malaysians who have performed acts of outstanding public service and gone beyond their normal call of duty to perform deeds of a humanitarian nature. TV3 Bersamamu Fund continued to receive strong support from the public with more than RM170,000.00 collected throughout all the *Karnival Sure Heboh* events during the year and will now be further expanded into a new reality programme, called *Bersamamu*.

In addition, TV3 continued to promote our strong heritage and cultural values through establishing events such as the Nyonya Kebaya and Songket projects.



ULASAN OPERASI

Media Prima - terus maju ke hadapan

Tempoh di dalam tinjauan merupakan tahun yang kritikal buat Media Prima dengan Kumpulan menumpukan usahanya ke arah menggabungkan kedudukannya sebagai salah sebuah kumpulan pelaburan media bersepadu yang terkemuka di Malaysia bersandarkan kejayaan penyenaaraannya di Papan Utama Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) pada 22 Oktober 2003.

Di sepanjang tahun, Media Prima terus memberikan penumpuan menggunakan pengaruh kekuatan aset media secara individu - dalam bidang penyiaran menerusi TV3 dan 8TV, penerbitan akhbar melalui NSTP, penciptaan pengisian menerusi produksi dalaman serta Grand Brilliance Sdn Bhd ("GBSB"), pengurusan acara menerusi Tiga Event Sdn Bhd ("TESB") dan periklanan luar melalui Right Channel Sdn Bhd.

Strategi kami adalah mudah - untuk menjadikan setiap aset media di bawah Kumpulan sebagai medium pilihan yang lebih disukai dalam lingkungan industri mereka manakala pada masa yang sama memanfaatkan sinergi di antara platform media tersebut bagi memberi nilai tambah serta menjana hasil tambahan.

Apa yang lebih penting, kami yakin bahawa kami telah membina sebuah asas yang kukuh untuk menjadi pemangkin rangkaian dalam menawarkan perkhidmatan tambah nilai kepada para pelanggan dan pengiklan serta pengisian yang jelas berbeza kepada para pengguna kami menerusi pelbagai platform media.

Menerusi platform media kami, Media Prima menawarkan capaian yang tiada tandingannya kepada para pengiklan untuk mereka berkomunikasi dengan pengguna yang disasarkan. Dengan kejayaan pelancaran 8TV pada bulan Januari 2004, secara kolektifnya, kedua-dua rangkaian televisyen Media Prima, iaitu TV3 dan 8TV kini memiliki lebih daripada 53 peratus jumlah perkongsian penonton televisyen, menjangkau lebih 3.25 juta isi rumah dan 15 juta penonton setiap hari.

Empat penerbitan harian NSTP, iaitu New Straits Times, Berita Harian, Malay Mail

591,000 naskhah*, meninggalkan kesan kepada kehidupan lebih 3.1 juta** pembaca. Malah, Harian Metro/Metro Ahad yang telah menyaksikan pertumbuhan tertinggi dalam tahun-tahun kebelakangan ini terus menunjukkan prestasi yang kukuh, dengan mencapai 24% dan 73% pertumbuhan dalam edaran serta hasil periklanan dalam tahun 2004.

Menuju ke hadapan, kami mensasarkan untuk meninjau peluang pelaburan yang akan membolehkan kami memiliki platform media yang baru, baik di dalam negara maupun di sekitar rantau ini. Seiring dengan itu, baru-baru ini kami dengan sukacitanya telah mengumumkan kemasukan kami ke dalam industri radio menerusi pemerolehan Perintis Layar Sdn Bhd yang memiliki 75% pegangan ekuiti di dalam Max Airplay Sdn Bhd, syarikat yang telah diberikan kontrak oleh Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd ("MASSB") untuk mengendalikan serta menguruskan stesen radio baru, Fly.FM.

Prestasi Kewangan yang Teguh

Sukacita dimaklumkan bahawa dalam persekitaran media yang kompetitif, Kumpulan kami telah merekodkan prestasi kewangan yang teguh dan boleh dibanggakan di sepanjang tahun di bawah kajian. Media Prima telah mencatatkan untung sebelum cukai disatukan bernilai RM49.4 juta bersandarkan pertumbuhan yang kukuh di dalam hasil kumpulan, iaitu sebanyak RM328.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Bagi tempoh 16 bulan berakhir 31 Disember 2003, Media Prima telah mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM178.3 juta, yang mana sebahagian besarnya adalah sumbangan laba luar biasa bernilai RM145.4 juta, selaras dengan Skim Penstrukturan Semula Hutang Kumpulan TV3 dalam bulan Ogos 2003.

Prestasi ini sebahagian besarnya berpunca daripada keputusan kewangan TV3 yang kukuh yang berterusan menjadi pemacu utama pendapatan bagi Kumpulan. Di sepanjang tahun, TV3 telah meraih manfaat daripada pertumbuhan teguh dalam hasil periklanan implikasi daripada kejayaannya yang berterusan untuk menampilkan kadar bilangan penonton serta khalayak yang ramai kepada pengiklan di samping usaha yang agresif dalam pemasaran dan penjenamaan.

Sumber : * Audit Bureau of Circulations

** AC Nielsen Media Index

Biarpun kami telah menjangkakan kerugian pelaburan dalam tempoh tunggu hasil, 8TV telah berjaya meraih hasil lumayan di peringkat awal operasinya berdasarkan kejayaan pelancarannya pada bulan Januari 2004. Kami yakin 8TV akan memberikan pulangan hasil bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 dan akan menjadi penjana pertumbuhan buat Kumpulan dalam melangkah ke hadapan.

Prestasi kewangan Kumpulan yang teguh juga adalah disebabkan kos faedah lebih rendah yang terbit daripada kejayaan pembiayaan semula RM125 juta Bon dengan kadar hasil lebih rendah bagi Nota Jangka Pertengahan dan Nota Perdagangan. Kejayaan kegiatan pembiayaan semula ini juga turut menggambarkan keyakinan komuniti kewangan serta pelaburan terhadap kumpulan kami.

Namun, apa yang lebih penting, usaha kami untuk memberi nafas baru kepada operasi menerusi pelaburan di dalam jenama, pengisian, sumber manusia dan khidmat pelanggan telah menghasilkan keputusan segera dan memberikan suatu landasan kukuh kepada Kumpulan untuk berjaya di masa hadapan

TV3 - keunggulan kedudukan yang berterusan

Di sepanjang tahun dalam tinjauan, TV3 telah memperkukuhkan kedudukannya sebagai rangkaian televisyen siaran percuma yang terunggul di Malaysia dengan mengambil kesempatan di atas usaha penambahbaikan yang berterusan di dalam strategi pemrograman dan berpanduan keinginan untuk melangkaui jangkaan para pengiklan serta penonton.

Penekanan kami dalam program terbaik yang dihasilkan bagi memenuhi kehendak segmen penonton utama - pasaran besar-besaran, wanita, kaum Cina, kanak-kanak dan remaja, para profesional, pengurus, usahawan dan peniaga (PMEB) - telah menyumbang kepada keupayaan kami untuk mengekalkan kedudukan TV3 sebagai peneraju pasaran.

Kami amat gembira dengan kejayaan besar Euro 2004 di mana TV3 dan 8TV telah diberi hak penyiaran eksklusif untuk kejohanan yang berlangsung selama sebulan di Portugal dan telah menarik lebih 5.2 juta penonton di Malaysia.

Rancangan kami yang paling popular - *Senario*, *999*, *Explorace* - terus menarik jumlah penonton yang ramai serta sokongan daripada pengiklan. Program yang mendapat kadar penarafan tinggi ini telah menarik lebih 3 juta penonton, termasuk seramai 3.67 juta untuk *Senario* yang kini berada di tahun ke-10 penerbitannya. *Buletin Utama*, *Misteri Nusantara* dan *Majalah 3* turut mengekalkan penarafan serta hasil periklanan yang tinggi. Di sepanjang tahun ini, TV3 melalui subsidiari milik penuhnya Grand Brilliance Sdn Bhd turut mempromosi tiga filem untuk tayangan TV - *Buli*, *I Know What You Did Last Raya* dan *Tujuh Perhentian*.

Namun begitu, kejayaan terbesar TV3 adalah *Karnival Sure Heboh* yang mengadakan persembahan dalam kunjungan ke serata Malaysia selama lapan bulan termasuk di Sabah dan Sarawak, dengan kemuncak penutupan secara besar-besaran telah diadakan di Stadium Bukit Jalil pada bulan Ogos 2004. Pesta *Sure Heboh* ini bukan sahaja berjaya dari segi komersial tetapi ia juga memberi laluan langsung antara TV3 dan penonton, di samping meluaskan perniagaannya melangkaui medium TV menerusi beberapa siri aktiviti pemasaran di tapak pesta di seluruh negara.

Biarpun terdapat persaingan yang sengit dalam segmen televisyen siaran percuma dengan pengenalan dua lagi pemain baru di sepanjang tahun di bawah kajian, TV3 berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dengan membolot 44% dan 43% perkongsian penonton televisyen serta perbelanjaan periklanan televisyen.

Menggunakan pengaruh kekuatan ekuiti jenama dan daya penarik TV3 di seluruh segmen pasaran utama serta ramalan ekonomi Malaysia yang positif di masa hadapan, kami yakin TV3 akan dapat mengekalkan kekuatan prestasi operasinya meskipun muncul pemain-pemain media yang baru.



8TV - penjana pertumbuhan di masa hadapan

Kejayaan 8TV, yang berjaya dilancarkan pada 8 Januari 2004 telah melangkaui segala jangkaan. 8TV dengan pantas telah menempatkan dirinya sebagai jenama media baru yang popular dan paling berbeza di Malaysia.

Dengan golongan muda kota serta penonton vernakular sebagai sasaran utamanya, 8TV telah mencipta beberapa pencapaian dalam tahun pertama operasinya, termasuk hak penyiaran eksklusif "siaran langsung" bagi Anugerah Grammy dan Anugerah Akademi, selain mendapatkan hak eksklusif penyiaran bersama dengan TV3 untuk Euro 2004.

Biarpun dianggap sebagai pendatang baru di dalam industri, 8TV telah memenangi beberapa pengiktirafan antarabangsa, termasuk trofi Cabaran Promo dan dua anugerah perak di Anugerah Promax Asia/BDA 2004 untuk kecemerlangan kreatif. 8TV turut merangkul dua lagi anugerah di Anugerah Video Malaysia 2004 - anugerah emas untuk Promosi Stesen Terbaik serta anugerah gangsa untuk Penggunaan Terbaik Reka Bentuk Grafik Bergerak. Dan sebagai kemuncaknya, 8TV telah dinamakan sebagai 'stesen TV paling cool di Malaysia' di kalangan pembaca muda menerusi *2005 The Star 2 Poll*.

Dalam tahun 2004, 8TV juga telah mendapatkan francais "Idol" yang mendapat sambutan hangat serata dunia. Musim pertama *Malaysian Idol* telah menempa kejayaan hebat dengan menarik lebih 13,000 peserta ketika pusingan uji bakat dan hampir dua juta penonton sewaktu rancangan mencari bakat ini disiarkan setiap minggu.

Daya penarik 8TV jelas terlihat dengan debut yang hebat, menawan 4 peratus perkongsian penonton dalam tahun pertama operasinya. Namun lebih penting lagi, 8TV telah menembusi perkongsian penonton yang disasarkannya di kalangan segmen pasaran kaum Cina dan golongan muda kota.

Hasilnya, dalam tahun pertama operasi, 8TV telah berjaya memperolehi lebih daripada 10 peratus perkongsian dalam jumlah perbelanjaan periklanan televisyen. Dengan perluasan kawasan liputannya kini yang merangkumi Pantai Barat Semenanjung serta Kuantan, kami yakin 8TV akan menghasilkan pulangan modal dalam tahun berakhir 31 Disember 2005 dan akan menjadi salah satu pemacu utama pendapatan kepada Kumpulan di masa hadapan.

Grand Brilliance Sdn Bhd ("GBSB") - memperluaskan perniagaan pengisian

Sebagai salah sebuah penerbit pengisian yang terkemuka dan terbesar, tumpuan GBSB di sepanjang tahun diteruskan dalam melahirkan pengisian yang mengujakan dan yang dicari-cari sama ada menerusi filem cetera maupun televisyen.

Di sepanjang tempoh di bawah kajian, GBSB telah berjaya menghasilkan rancangan strategik yang menggariskan strategi terperinci yang diperlukan untuk menjadikan GBSB kekal sebagai syarikat penerbitan pengisian utama negara dan bagi menjamin kejayaan yang berterusan.

Dari segi penerbitan filem, GBSB terus menerbitkan filem yang secara komersial dan kritisnya boleh dikatakan berjaya di samping menggarap bakat-bakat kreatif yang baru. GBSB telah berjaya menerbitkan "*Buli*", dengan pencapaian *box office* yang boleh dibanggakan biarpun ia merupakan arahan sulung yang mendapat saingan hebat di pasaran.

GBSB turut menerbitkan "*I Know What You Did Last Raya*" yang merupakan salah sebuah filem tempatan yang berjaya meraih kutipan tertinggi dalam tahun 2004. Sebagai sebahagian daripada strateginya dalam mengatasi persaingan yang kian sengit yang wujud dalam industri filem tempatan, GBSB telah memulakan usaha sama tiga buah filem dengan Metrowealth Movies Production, yang mana dua daripadanya telah ditayangkan dalam tahun 2004 dan mendapat sambutan yang boleh dibanggakan di *box office*.

GBSB juga akan terus menerbitkan filem dan drama bersiri yang berkualiti dan diiktiraf tinggi untuk tayangan televisyen buat Kumpulan, termasuk "*Miftahul JAMILAH*" yang telah menerima Anugerah Seri Angkasa 2004 yang menjadi rebutan untuk Filem Cereka Terbaik. Selain itu, GBSB buat pertama kali sejak penubuhannya, telah berjaya memperoleh jualan buat program TV3 kepada Bridges TV, sebuah saluran kabel Islam AS.

Dalam memandang ke hadapan, GBSB berhasrat menggunakan pengaruh strategi Kumpulan sebagai platform media holistik melalui pelaksanaan perancangan strategik dengan teliti, termasuk penumpuannya untuk menerbitkan pengisian yang berkualiti tinggi dan memperluaskan perniagaan pengagihan pengisian dengan menjual kepada pasaran serantau.

Tiga Events Sdn Bhd ("TESB") - menghasilkan acara francais yang bernilai tinggi

Sebagai cabang pengurusan acara bagi Kumpulan, di sepanjang tempoh di bawah kajian, Tiga Events ("TESB") telah berjaya mengendalikan acara besar-besaran seperti Persembahan Kunjungan Euro 2004, Pesta Jalanan Euro 2004, Pesta Jalanan Explorace dan Fiesta Mencari Harta Karun Pulau Indah.

Seiring dengan tindakan penggabungan yang dijalankan, TESB telah muncul sebagai entiti yang lebih fokus di sepanjang tempoh di bawah kajian. Justeru, adalah diharapkan agar TESB akan terus menempa kedudukan yang selesa dalam perniagaan pengurusan acaranya dengan menumpukan kepada acara berasaskan francais yang bernilai tinggi dan menyediakan sokongan yang padu kepada strategi Kumpulan untuk menawarkan penyelesaian periklanan yang tidak bertepi kepada pelanggan.

Dalam memandang ke hadapan, TESB sedang merancang beberapa acara berasaskan francais yang bernilai tinggi seperti *Disney On Ice Princess Classics* yang mana kami yakin akan memberikan potensi pendapatan yang tinggi kepada kumpulan.

TV3 Network Limited Ghana - kisah pulangan balik yang berjaya

TV3 Network Limited ("TV3 Network"), salah sebuah syarikat subsidiari Media Prima, merupakan rangkaian televisyen swasta siaran percuma yang terkemuka di Ghana. TV3 Network menyiarkan rancangan hiburan dan berunsur maklumat yang bermutu tinggi kepada rakyat Ghana.

Sewaktu acara Anugerah Radio dan Televisyen Ghana 2004 baru-baru ini, stesen tersebut telah dipilih sebagai "Stesen TV Terbaik" dan telah memenangi lapan daripada 16 anugerah di Anugerah RTV. Malah TV3 Network juga telah dipilih sebagai "Stesen Pilihan bagi Tahun 2004" dan Stesen Sukan bagi Tahun 2004 oleh Panduan Radio dan TV serta Persatuan Wartawan Sukan Kebangsaan.

Untuk tempoh di bawah kajian, TV3 Network telah berjaya merubah prestasi kewangannya dan mencatatkan keuntungan awal daripada operasi sebanyak RM4.21 juta yang disumbangkan oleh pertumbuhan hasil yang teguh sebanyak RM13.35 juta, seiring dengan peluasan penyiarannya di kawasan Kumasi. Bagi mengukuhkan lagi kejayaannya, TV3 Network meneruskan pelaburannya dalam peralatan dan pemasangan sistem automatik bagi meningkatkan lagi kecekapan operasi stesen.

Dengan perubahan dalam prestasi kewangan, Media Prima berharap untuk mendapatkan lebih nilai di dalam pelaburannya di Ghana dengan menimbangkan kemungkinan penyenaian TV3 Network di Bursa Saham Ghana.

NSTP - kekal teguh dan bertahan

Tahun di bawah kajian merupakan tahun yang begitu mencabar buat NSTP. NSTP telah merekodkan untung sebelum cukai bernilai RM12.51 juta daripada jumlah hasil sebanyak RM523.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 yang terbit daripada prestasi yang semakin baik dalam perniagaan penerbitan teras dan laba yang terhasil daripada pelupusan subsidiari insuransya. Kumpulan telah mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM185.5 juta bagi tempoh 16 bulan berakhir 31 Disember 2003.

Dalam menangani cabaran utama yang dihadapi NSTP, beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan. Secara khususnya, penambahbaikan penting telah dilakukan kepada kandungan rencana, termasuk menyusun semula New Straits Times (NST)



dimaklumkan bahawa pembaharuan di dalam pembentangan serta kandungan rencana telah meraih penerimaan yang meluas, seperti yang dibayangkan menerusi peningkatan edaran NST selepas pelancaran edisi kompaknya.

Kumpulan turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan teguh akhbar Bahasa Malaysia, baik dari segi edaran maupun hasil periklanan. Harian Metro meneruskan pertumbuhannya yang mengagumkan di tahun-tahun kebelakangan ini dan mengukuhkan kedudukannya sebagai akhbar dengan perkembangan terpacu di Malaysia.

Selain daripada penyusunan semula NST serta penambahbaikan utama dalam kandungan rencana bagi akhbar dan penerbitan Kumpulan, NSTP turut memperbaiki sistem pengedarannya dengan menumpukan kepada khidmat barisan hadapan, pembangunan jualan dan menumpukan kepada perluasan pusat pelanggannya.

Walau bagaimanapun, kenaikan harga kertas terus menjadi kebimbangan utama bagi semua kumpulan akhbar. Harga kertas terus naik, meningkat dari AS\$450 setan metrik dalam tahun 2003 kepada AS\$530 dalam tahun 2004, dan dijangka terus meningkat kepada AS\$630 dalam tahun 2005.

Bagi menangani cabaran ini untuk mara ke hadapan, NSTP telah melaksanakan beberapa langkah, termasuk mengurangkan overhead melalui Skim Perpisahan Sukarela bagi memperbaiki kepelbagaian sumber Kumpulan.

NSTP turut menutup subsidiari bukan teras di sepanjang tahun di bawah kajian - Rampaian Media Sdn Bhd dan Marican Sdn Bhd (cabang pengedaran majalah dan penerbitan berkala), Berita Information Systems Sdn Bhd (subsidiari berkaitan IT) serta pelupusan Commerce Assurance Bhd (dahulunya dikenali sebagai AMI Insurans Bhd) kepada Commerce Assets Holdings Group.

Selain itu, NSTP juga telah menaikkan harga kulit untuk semua penerbitannya kecuali NST dan meningkatkan harga iklan untuk semua penerbitannya kecuali MM, selaras dengan tahap industri.

Kami yakin bahawa langkah-langkah tersebut akan berjaya dan NSTP akan menghasilkan prestasi kewangan yang lebih baik bagi tahun-tahun akan datang.

Tanggungjawab Sosial Korporat - untuk menjadi warga korporat yang prihatin

Bagi membayangkan keprihatinan kewarganegaraan korporat, Kumpulan telah

tsunami dalam bulan Disember 2004, Kumpulan telah menubuhkan Tabung Bencana Tsunami Malaysia NST-BH-TV3-8TV dan berjaya mengumpul lebih kurang RM44.5 juta daripada subsidiarinya serta orang awam. Kumpulan juga turut memainkan peranan bagi membolehkan pekerjaannya menyokong usaha-usaha bantuan tsunami. Sejumlah 120 orang pekerja daripada TV3 dan 8TV telah menawarkan khidmat mereka secara sukarela untuk membantu mangsa-mangsa di Pulau Pinang dan Kedah yang teruk ditimpa bencana tersebut.

Selain itu, NST bersama dengan PricewaterhouseCoopers telah berjaya melancarkan Anugerah Kemanusiaan Malaysia NSTP-PwC yang bertujuan mengiktiraf warga Malaysia yang telah memberikan khidmat kemasyarakatan yang cemerlang serta bertindak menjangkau tanggungjawab biasa bagi melaksanakan kebaikan yang berbentuk kemanusiaan. Tabung TV3 Bersamamu terus menerima sokongan padu daripada masyarakat awam dengan lebih daripada RM170,000.00 berjaya dikumpul di kesemua pesta Karnival Sure Heboh yang diadakan di sepanjang tahun dan ia kini akan diperpanjangkan menjadi sebuah program realiti baru, yang dinamakan *Bersamamu*.

Malah, TV3 juga terus mempromosi nilai-nilai warisan serta budaya kita yang begitu utuh melalui kewujudan acara seperti projek Kebaya Nyonya dan Songket.





**DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI
MOHAMED RAZAK**

Chairman
Pengerusi

YBhg Dato' Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak, aged 62, a Malaysian, is the Chairman of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed as the Chairman of MPB on 14 March 2005.

YBhg Dato' Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak, berusia 62, warganegara Malaysia, merupakan Pengerusi Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi MPB pada 14 Mac 2005.



ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

**Group Managing Director /
Chief Executive Officer**
*Pengarah Urusan Kumpulan /
Ketua Pegawai Eksekutif*

Encik Abdul Rahman bin Ahmad, aged 36, a Malaysian, is the Group Managing Director / Chief Executive Officer of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 22 October 2001.

Encik Abdul Rahman bin Ahmad, berusia 36, warganegara Malaysia, adalah Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 22 Oktober 2001.

BOARD OF DIRECTORS / AHLI LEMBAGA PENGARAH



SHahrIL RIDZA BIN RIDZUAN

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Encik Shahril Ridza bin Ridzuan, aged 35, a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 22 October 2001.

Encik Shahril Ridza bin Ridzuan, berusia 35, warganegara Malaysia, adalah seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 22 Oktober 2001.



TAN Sri LEE LAM THYE

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Lee Lam Thye, aged 59, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 18 August 2003.

Tan Sri Lee Lam Thye, berusia 59, warganegara Malaysia, merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 18 Ogos 2003.



DATO' DR MOHD SHAHARI BIN AHMAD JABAR

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar, aged 68, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 18 August 2003.

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar, berusia 68, merupakan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 18 Ogos 2003.



DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI MOHAMED RAZAK

YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak, aged 62, a Malaysian, is the Chairman of Media Prima Berhad (MPB). He is an Independent Non-Executive Director and was appointed to the Board of MPB on 5 December 2003. He was appointed as Non-Executive Chairman of MPB on 14 March 2005. He holds a Bachelor of Arts (Hons) degree in Political Science from University of Singapore in 1967 and is also a Barrister-at-Law from The Honorable Society of Lincoln's Inn, London.

YBhg Dato' Abdul Mutalib was the Secretary / Legal Advisor to UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) from 1972 to end of October 1975. From 1972 to 1975, he was a part-timer lecturer at the Faculty Economic & Public Administration, University Malaya. In 1975, started his private practice under the name Messrs Mutalib, Sundra & Low which was later renamed Mutalib, Wan & Co of which currently is the Senior Partner. In 1984, YBhg Dato' Abdul Mutalib was appointed Trustee Director of Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) a post he held till 1988. He was also a Company Secretary of Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad, under purview of Ketua Perhubungan UMNO, Pulau Pinang from 1980 to 1990 and also was Deputy Chairman of Setron (M) Berhad from 1987 till 1990. YBhg Dato' Abdul Mutalib is currently one of the Presidents' of The Tribunal for Consumer Claims. He also sits on boards of various private companies.

As an Independent Non-Executive Director, he is a member of the Audit Committee, Nomination Committee, and Remuneration

Committee of MPB. He also sits on the Board of Mardec Berhad and Chairman of Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) and Metropolitan TV Sdn Bhd (8TV).

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Directors and/or major shareholders of MPB. He has no personal interest in any business arrangements involving MPB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak, berusia 62, warganegara Malaysia. Beliau merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB) dan telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 5 Disember 2003. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif MPB pada 14 Mac 2005. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik) daripada Universiti Singapura pada tahun 1967 dan juga dianugerahkan Barrister-at-Law daripada The Honorable Society of Lincoln's Inn, London.

YBhg Dato' Abdul Mutalib telah dilantik sebagai Setiausaha / Penasihat Undang-Undang di UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) dari tahun 1972 hingga akhir bulan Oktober 1975. Mulai 1972 hingga 1975, beliau telah menjadi Pensyarah sambilan di Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Awam di Universiti Malaya. Pada akhir 1975, beliau telah meletak jawatan dan terus membuka firma guaman, Tetuan Mutalib,

Sundra & Low dan pada masa kini dikenali sebagai Mutalib, Wan & Co dimana beliau adalah salah seorang Rakan Kongsi Utama. Mulai 1984 hingga 1988, YBhg Dato' Abdul Mutalib telah dilantik sebagai Ahli Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM). Dari tahun 1980 hingga 1990 beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad, yang dipengerusikan oleh Ketua Perhubungan UMNO, Pulau Pinang dan juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Setron (M) Berhad dari tahun 1987 hingga 1990. Sekarang ini, beliau adalah salah seorang Presiden Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat sendirian berhad lain.

Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Pencalonan MPB. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Mardec Berhad dan Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan Metropolitan TV Sdn Bhd (8TV).

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MPB. Beliau tidak mempunyai kepentingan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MPB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Encik Abdul Rahman bin Ahmad, aged 36, a Malaysian, is the Group Managing Director / Chief Executive Officer of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 22 October 2001. He holds a Master of Arts from Cambridge University, England and is a member of the Institute of Chartered Accountants, England & Wales.

Encik Abdul Rahman was an Assistant Manager at Arthur Andersen, London from 1992 to 1996. From 1996 to 1999, he was the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenergy (M) Berhad / Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. He subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad as Unit Head from 1999 to 2000. He was also an Executive Director of SSR Associates Sdn Bhd from 2000 to August 2001.

Encik Abdul Rahman was appointed as the Chief Executive Officer of Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) in August 2001 until his appointment as the Group Managing Director/Chief Executive Officer of MPB on 1 September 2003. He also sits on the Board of MRCB, Syarikat Prasarana Negara Berhad and The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. He is the Executive Director of Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) and a member of the Audit Committee of MPB.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Directors and/or major shareholders of MPB. He has no personal interest in any business arrangements involving MPB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Encik Abdul Rahman bin Ahmad, berusia 36, warganegara Malaysia, adalah Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 22 Oktober 2001. Beliau memiliki Ijazah Sastera dari Universiti Cambridge, England dan salah seorang Ahli Institute of Chartered Accountants, England & Wales.

Encik Abdul Rahman merupakan seorang Penolong Pengurus di Arthur Andersen, London dari tahun 1992 hingga 1996. Mulai 1996 hingga 1999, beliau merupakan Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif Trenergy (M) Berhad / Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. Selepas itu, beliau menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebagai Ketua Unit dari tahun 1999 hingga 2000. Sebelum perantukan beliau di MPB, beliau merupakan Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd dari tahun 2000 hingga Ogos 2001.

Encik Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada bulan Ogos 2001 sehingga perantukan beliau sebagai Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif MPB pada 1 September 2003. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah MRCB, Syarikat Prasarana Negara Berhad dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan ahli Jawatankuasa Audit MPB.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MPB. Beliau tidak mempunyai kepentingan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MPB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



SHahril RiDza Bin RiDZuan

Encik Shahril Ridza bin Ridzuan aged 35, a Malaysian, is a Non-Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 22 October 2001. He holds a Bachelor of Civil Law (1st class) from Oxford University, England, a Master of Arts (1st class) from Cambridge University, England, and has been called to the Malaysian Bar and the Bar of England & Wales.

Encik Shahril was a Legal Assistant at Zain & Co from 1994 to 1996. From 1996 to 1998, he was the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenergy (M) Berhad / Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. He subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad from 1998 to 1999. From 1999 to August 2001, he was an Executive Director at SSR Associates Sdn Bhd.

Encik Shahril also sits on the Board of Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad and UDA Holdings Berhad. He is also the Group Managing Director / Chief Executive Officer of MRCB.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Directors and/or major shareholders of MPB. He has no personal interest in any business arrangements involving MPB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Encik Shahril Ridza bin Ridzuan berusia 35, warganegara Malaysia, adalah seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 22 Oktober 2001. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Sipil (Kelas Pertama) dari Universiti Oxford, England, Ijazah Sarjana Sastera (Kelas Pertama) dari Universiti Cambridge, England, dan menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia dan Bar of England & Wales.

Encik Shahril merupakan seorang Penolong Guaman di Zain & Co dari tahun 1994 hingga 1996. Mulai 1996 hingga 1998, beliau adalah Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif Trenergy (M) Berhad /

Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. Selepas itu, beliau menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dari 1998 hingga 1999. Mulai 1999 hingga Ogos 2001, beliau merupakan Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd.

Encik Shahril juga menganggotai Lembaga Pengarah Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan UDA Holdings Berhad. Beliau juga adalah Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif MRCB.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MPB. Beliau tidak mempunyai kepentingan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MPB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

TAN SRI LEE LAM THYE



YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, aged 59, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 18 August 2003. Before retiring from politics in 1990, he was the elected State Legislative Assemblyman for Bukit Nenas, Selangor from 1969 to 1974 and served as a Member of Parliament for Kuala Lumpur Bandar / Bukit Bintang from 1974 to 1990.

YBhg Tan Sri Lee completed his secondary education at Saint Michael's Institution, Ipoh, Perak in 1965. He is presently the Chairman of the National Institute of Occupational Safety & Health and Vice-President of PEMADAM. He is also the Vice-Chairman of the Malaysia Crime Prevention Foundation, a Member of the KL City Hall Advisory Board and a Member of the National Service Training Council. He is also serving as a Member of the Special Royal Commission to enhance the operations and management of the Royal Malaysian Police.

In the private sector, YBhg Tan Sri Lee serves as an independent non-executive director to a number of companies, which include, AMDB Berhad, Arab-Malaysian Corporation Berhad, MBM Resources Berhad and SIME-UEP Properties Berhad.

As an Independent Non-Executive Director, YBhg Tan Sri Lee is the Chairman of the Nomination Committee, a member of the Audit Committee and Remuneration Committee of MPB.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Directors and/or major shareholders of MPB. He has no personal interest in any business arrangements involving MPB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, berusia 59, warganegara Malaysia, merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 18 Ogos 2003. Sebelum bersara daripada politik pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Bukit Nenas, Selangor mulai 1969 hingga 1974 dan berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Kuala Lumpur Bandar / Bukit Bintang mulai 1974 hingga 1990.

YBhg Tan Sri Lee menyempurnakan persekolahan menengah beliau di Saint Michael's Institution, Ipoh, Perak pada tahun 1965. Beliau merupakan Pengerusi Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara dan Naib Presiden PEMADAM. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, anggota Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan anggota Jawatankuasa Perkhidmatan Latihan Kebangsaan. Beliau juga berkhidmat sebagai anggota Suruhanjaya Khas DiRaja bagi tujuan meningkatkan operasi dan pengurusan Polis DiRaja Malaysia.

Di dalam sektor korporat, YBhg Tan Sri Lee berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kepada beberapa syarikat termasuk AMDB Berhad, Arab-Malaysian Corporation Berhad, MBM Resources Berhad dan SIME-UEP Properties Berhad.

Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan, ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuan MPB.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MPB. Beliau tidak mempunyai kepentingan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MPB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



DATO' DR MOHD SHAHARI BIN AHMAD JABAR

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar, aged 68, a Malaysian, is an Independent Non-Executive Director of Media Prima Berhad (MPB). He was appointed to the Board of MPB on 18 August 2003. He obtained a Bachelor of Arts degree from the University of Malaya in 1960. He was awarded a Dutch Government Fellowship in 1970 and obtained his Master in Social Science from the International Institute of Social Studies, Hague, Holland in 1972. In 1974 he was awarded the Fulbright-Hays Fellowship and obtained his PH. D (Political Science) from the University of Hawaii in 1978. In 1990, as a nominee of the Government of Malaysia, he attended the Advanced Management Program at the Harvard Business School, Boston, USA.

Upon graduation in 1960, he was inducted into the Malaysian Civil Service, and served in several capabilities at national and international levels, until his retirement in 1991.

As an Independent Non-Executive Director, he is the Chairman of the Remuneration Committee and the Audit Committee; and a member of the Nomination Committee of MPB.

He is currently Chairman of Grand Brilliance Sdn Bhd, Hyper Plasma Sdn Bhd (Formerly known as MAJS Management Centre Sdn Bhd), Innopark Sdn Bhd, MAJS Sdn Bhd, Peakline Sdn Bhd and Tiga Events Sdn Bhd. He is also Chairman of Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, Amanah Ventures Sdn Bhd, Deputy Chairman of

Allianz General Insurance Malaysia Berhad, Director of Amanah SSCM Asset Management Berhad, Amanah Property Trust Managers Berhad, Malaysian Resources Corporation Berhad, Radicare (M) Sdn Bhd, Sistem Televisyen Malaysia Berhad and The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Directors and/or major shareholders of MPB. He has no personal interest in any business arrangements involving MPB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar, berusia 68, warganegara Malaysia, merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Media Prima Berhad (MPB). Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MPB pada 18 Ogos 2003. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya pada tahun 1960. Beliau telah dianugerahkan Fellowship Kerajaan Belanda pada tahun 1970 dan memiliki Ijazah Sarjana Sains Sosial daripada International Institute of Social Studies, Hague, Holland pada tahun 1972. Selepas itu, pada tahun 1974 beliau telah dianugerahkan Fellowship Fullbright-Hays dan memiliki Ijazah PH.D (Sains Politik) daripada Universiti Hawaii pada tahun 1978. Pada tahun 1990, sebagai wakil Kerajaan Malaysia, beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat.

Selepas menamatkan pengajian pada tahun 1960, beliau telah memasuki Perkhidmatan Sivill Malaysia, dan berkhidmat di dalam pelbagai kegiatan di peringkat negara dan luar negara, sehingga beliau bersara pada tahun 1991.

Disamping memegang jawatan sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuan, Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pencalonan MPB.

Beliau adalah Pengerusi Grand Brilliance Sdn Bhd, Hyper Plasma Sdn Bhd (Dahulunya dikenali sebagai MAJS Management Centre Sdn Bhd), Innopack Sdn Bhd, MAJS Sdn Bhd, Peakline Sdn Bhd dan Tiga Events Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, Amanah Ventures Sdn Bhd, Timbalan Pengerusi Allianz General Insurance Malaysia Berhad, Pengarah Amanah SSCM Asset Management Berhad, Amanah Property Trust Managers Berhad, Malaysian Resources Corporation Berhad, Radicare (M) Sdn Bhd, Sistem Televisyen Malaysia Berhad dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MPB. Beliau tidak mempunyai kepentingan kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MPB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

**Group Managing Director /
Chief Executive Officer
Media Prima Berhad**

*Pengarah Urusan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif
Media Prima Berhad*

**DATO' AHMAD FARID
BIN RIDZUAN**

**Chief Executive Officer, TV3
Sistem Televisyen Malaysia Berhad**

*Ketua Pegawai Eksekutif, TV3
Sistem Televisyen Malaysia Berhad*

AMRIN BIN AWALUDDIN

**Group Chief Financial Officer
Media Prima Berhad**

*Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Media Prima Berhad*

SENIOR MANAGEMENT / PENGURUSAN KANAN



**DATUK KAMARULZAMAN
BIN HAJI ZAINAL**

Director, News & Current Affairs
Sistem Televisyen Malaysia Berhad

*Pengarah, Berita dan Hal Ehwal Semasa
Sistem Televisyen Malaysia Berhad*



AHMAD IZHAM BIN OMAR

Chief Operating Officer
Metropolitan TV Sdn Bhd

*Ketua Pegawai Operasi
Metropolitan TV Sdn Bhd*



**SYED FAISAL ALBAR
BIN SYED A.R ALBAR**

Chief Executive Officer
The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad

*Ketua Pegawai Eksekutif
The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad*



**DATO' KALIMULLAH BIN
MASHEERUL HASSAN**

Group Editor-in-Chief
The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad

*Ketua Pengarang Kumpulan
The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad*

CORPORATE INFORMATION / MAKLUMAT KORPORAT

BOARD OF DIRECTORS / LEMBAGA PENGARAH

DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI
MOHAMED RAZAK*

Chairman (Appointed 14.03.2005)
Pengerusi (Dilantik 14.03.2005)

ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Group Managing Director / Chief Executive Officer
Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif

SHAHRI L RIDZA BIN RIDZUAN

DATO' DR MOHD SHAHARI BIN AHMAD JABAR*

TAN SRI LEE LAM THYE*

AUDIT COMMITTEE MEMBERS / JAWATANKUASA AUDIT

DATO' DR MOHD SHAHARI BIN AHMAD JABAR *
Chairman / *Pengerusi*

Members / *Ahli*
YBHG DATO' ABDUL MUTALIB BIN DATUK SERI
MOHAMED RAZAK *

YBHG TAN SRI LEE LAM THYE *

ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

* Independent non-executive Director /

* *Pengarah bebas bukan eksekutif*

COMPANY SECRETARIES / SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

MOHD NOOR BIN RAHIM YAHAYA (MAICSA 0866820)

YUSLIZAL BIN MONEK (MAICSA 7003822)

REGISTERED OFFICE / PEJABAT BERDAFTAR

MEDIA PRIMA BERHAD
Sri Pentas
No. 3, Persiaran Bandar Utama
Bandar Utama
47800 Petaling
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7726 6333
Fax : 03-7728 0787

REGISTRAR / PENDAFTAR

SYMPHONY SHARE REGISTRARS SDN BHD
Level 26, Menara Multi Purpose
Capital Square, No. 8 Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03 -2721 2222
Fax: 03-2721 2530 / 31

AUDITORS / JURUAUDIT

PRICEWATERHOUSECOOPERS
11th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut, PO Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel : 03-2693 1077
Fax: 03-2693 0997

SOLICITORS / PEGUAM

M/S ARIFIN & PARTNERS, ADVOCATES & SOLICITORS
Unit A3-8, Block A
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-21620499
Fax : 03-21620490

M/S ZAID IBRAHIM, ADVOCATES & SOLICITORS
Level 19, Menara Milenium
Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : 03-20879999
Fax : 03-20944888 / 20944666

M/S ZAIN & CO, ADVOCATES & SOLICITORS
6th & 7th Floor, Bangunan Dato' Zainal
23, Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03-26986255

BANKERS / BANK

BUMIPUTRA-COMMERCE BANK BERHAD
Menara Bumiputra,
Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur

MALAYAN BANKING BERHAD
Lot F1/26 & F1/27
1st Floor, Kompleks Dayabumi
Jalan Sultan Hishamudin
50050 Kuala Lumpur

RHB BANK BERHAD
Ground & Mezzanine Floor, Podium Block
Plaza OSK, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
No 2 & 4, Jalan 14/22
46100 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

MANAGEMENT / PENGURUSAN

Media Prima Berhad
ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Group Managing Director / Chief Executive Officer
Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif

AMRIN BIN AWALUDDIN
Group Chief Financial Officer /
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

ZURAIDAH BINTI ATAN
GM, Corporate Governance & Risk Management /
Pengurus Besar, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko

LIM CHING HUI

Group Head, Information & Communication Technology /
Ketua Kumpulan Informasi, Komunikasi & Teknologi

YUSLIZAL BIN MONEK

Manager, Secretarial / Company Secretary /
Pengurus, Kesetiausahaan / Setiausaha Syarikat

Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)

DATO' AHMAD FARID BIN RIDZUAN

Chief Executive Officer / *Ketua Pegawai Eksekutif*

DATUK KAMARULZAMAN BIN HJ. ZAINAL

Director, News & Current Affairs /
Pengarah, Berita & Hal Ehwal Semasa

ANTHONY @ FIRDAUZ BIN BUJANG

General Manager, Brand Management /
Pengurus Besar, Kumpulan Pengurusan Jenama

SHAREEN OOI BEE HONG

General Manager, Client Servicing /
Pengurus Besar, Kumpulan Perkhidmatan Pelanggan

ROY NAVONIL SUBRATA

General Manager, Creative Marketing /
Pengurus Besar, Kumpulan Pemasaran Kreatif

ABDUL RASHID BIN MALIK KHUSHI MUHAMMAD

General Manager, Airtime Management /
Pengurus Besar, Pengurusan Penyiaran

BUKHARI BIN CHE MUDA

General Manager, Magazine, Documentary & Family /
Pengurus Besar, Majalah, Dokumentari & Famili

AZHAR BIN BORHAN

General Manager, Entertainment, Sports & Recreational /
Pengurus Besar, Hiburan, Sukan & Rekreasi

SITI ALWIYAH BINTI MOHD JALLY

General Manager, Corporate Communications /
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat

BADARIAH BINTI JALIL

General Manager, Human Resources
& Management Services /
*Pengurus Besar, Sumber Manusia
& Perkhidmatan Pengurusan*

TAN KWONG MENG

General Manager, Engineering /
Pengurus Besar, Kejuruteraan

AMIL IZHAM BIN HAMZAH

General Manager, Finance /
Pengurus Besar, Kewangan

AHMAD PUAD BIN ONAH

General Manager, Subsidiaries Management Services /
Pengurus Besar, Perkhidmatan Pengurusan Anak Syarikat

TAJUL ARIFFIN BIN BAHARI

Executive Creative Director, Creative Services /
Pengarah Eksekutif Kreatif, Perkhidmatan Kreatif

ZURAIDAH BINTI MOHD YATIM

Manager, Legal / *Pengurus, Perundangan*

Metropolitan TV Sdn Bhd (8TV)

AHMAD IZHAM BIN OMAR

Chief Operating Officer / *Ketua Pegawai Operasi*

The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

SYED FAISAL ALBAR BIN SYED A.R ALBAR

Chief Executive Officer / *Ketua Pegawai Eksekutif*

DATO' KALIMULLAH BIN MASHEERUL HASSAN

Group Editor-in-Chief / *Ketua Pengarang Kumpulan*

DATO' HISHAMUDDIN BIN AUN

Deputy Group Editor-in-Chief / Group Editor,
Berita Harian Sdn Bhd /
*Timbalan Pengarang Kumpulan / Pengarang
Kumpulan, Berita Harian Sdn Bhd*

SALEHUDDIN BIN OTHMAN

Group Editor New Straits Times Sdn Bhd /
Pengarang Kumpulan, New Straits Times Sdn Bhd

TUN IBRAHIM BIN MOHD JAFRI

Production Director / *Pengarah Pengeluaran*

JEZILEE BIN MOHD RAMLI

Chief Financial Officer / Finance Director /
Ketua Pegawai Kewangan / Pengarah Kewangan

KAMARUDIN BIN BABA

Legal Director / Company Secretary /
Pengarah Undang-undang / Setiausaha Syarikat

WEE TECK KEE

Circulation Director / *Pengarah Pengedaran*

ABDUL WAHAB BIN MOHAMAD

Human Capital Director / *Pengarah Sumber Manusia*

MIMI MEGAWATI BINTI ABDUL WAHID

Advertising Sales & Marketing Director /
Pengarah Penjualan Iklan & Pemasaran


MUSNI BIN MOHAMAD

Managing Director, The Right Channel Sdn Bhd /
Pengarah Urusan, The Right Channel Sdn Bhd


AKRAM BIN HAJI MOHAMED

General Manager, Information Technology /
Pengurus Besar, Teknologi Maklumat

CORPORATE STRUCTURE / STRUKTUR KORPORAT



NETWORK COVERAGE & PRINTING CENTRES / LIPUTAN SIARAN & PUSAT PERCETAKAN



■ TV3's Transmission Stations:

- 1 Bukit Sungai Besi (Lembah Kelang)
 2 Gunung Kledang (Perak Tengah)
 3 Gunung Pulau (Johor Selatan)
 4 Gunung Jerai (Kedah, Perlis, Pulau Pinang)
 5 Gunung Ledang (Johor Utara, Melaka)
 6 Bukit Pelindong (Pahang Timur)
 7 Bukit Besar (Terengganu)
 8 Peringat (Kelantan Utara)
 9 Bukit Bauk (Terengganu Selatan)
 10 Bukit Tampin (Negeri Sembilan)
 11 Bukit Larut (Perak Utara)
 12 Gunung Serapi (Kuching, Sarawak)
- 13 Bukit Lima (Sibu, Sarawak)
 14 Gunung Ulu Kali (Pahang Tengah)
 15 Bukit Bakar (Kelantan Tengah)
 16 Bukit Keratong (Kota Kinabalu, Sabah)
 17 Bukit Telapa Buruk (Negeri Sembilan)
 18 Bukit Fraser (Pahang)
 19 Bukit Trig (Sandakan, Sabah)
 20 Bukit Andrassy (Tawau, Sabah)
 21 Bukit Kanada (Miri, Sarawak)
 22 Bukit Istana (Jerantut, Pahang)
 23 Gunung Raya (Pulau Langkawi)
 24 Bukit Mas (Limbang, Sarawak)

■ 8TV's Transmission Stations:

- 25 Gunung Pulau (Johor)
 26 Bukit Kledang (Ipoh)
 27 Gunung Jerai (Kedah)
 28 Bukit Besi (Kuala Lumpur)
 29 Gunung Ulu Kali (Pahang)
 30 Gunung Ledang (Tangkak)
 31 Bukit Pelindong (Kuantan)

■ NSTP's Printing Plants:

- 32 Ajil (Terengganu)
 33 Senai (Johor)
 34 Prai (Pulau Pinang)
 35 Bukit Jelutong (Shah Alam, Selangor)

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lot 2B-4-20 & 2B-4-21 Kompleks Tun Abdul Razak Georgetown, Penang	Leasehold	99 years Expiry : 2093	31 May 1995	7,316 sq ft	Cineplex	9	1,920,720

Location	Type	Tenure	Date Of Acquisition	Area	Description	Approximate Age Of Building (Years)	Net Book Value (RM)
Damai Laut Holiday Apartments Lot F2-01-03A & Lot F2-GF-03A Jalan Titi Panjang 32200 Lumut Perak	Leasehold	99 years Expiry : 2098	5 Aug 1997	2 lots x 981 sq ft	Apartment	6	240,733
Kawasan Perniagaan Permatang Rawa Jalan Permatang Rawa 1 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang	Freehold	-	29 Apr 1997	5 lots x 5,092 sq ft	Commercial Building	8	1,667,220
Summit Centre Shopping Complex							
Lot No 2.30	Leasehold	99 years	15 Sep 2004	603.88 sq ft	Commercial Building	-	301,410
Lot No 2.31	Leasehold	Expiry : 2093	15 Sep 2004	603.88 sq ft	Commercial Building	-	319,817
Lot No 2.32	Leasehold		15 Sep 2004	596.99 sq ft	Commercial Building	-	316,137
Mines Wonderland Seri Kembangan Petaling, Selangor							

KANDUNGAN

	Muka Surat
Laporan Jemaah Pengarah	179 - 181
Penyata Pendapatan	182 - 183
Kunci Kira-kira	184 - 185
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Kumpulan	186 - 186
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Syarikat	187 - 187
Penyata Aliran Tunai	188 - 189
Ringkasan Dasar-dasar Perakuanan Utama	190 - 197
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	198 - 243
Penyata oleh Jemaah Pengarah / Pengakuan Berkanun	244 - 244
Laporan Juruaudit	245 - 245
Analisa Pegangan Saham	246 - 255
Senarai Hartanah	256 - 259

LAPORAN JEMAAH PENGARAH bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

Dengan sukacitanya Jemaah Pengarah membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan yang telah diaudit untuk Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Aktiviti Utama

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan persediaan servis pembelian untuk subsidiarinya.

Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan di sepanjang tahun kewangan ini merangkumi pegangan pelaburan, penyiaran televisyen komersil, keseluruhan pengiklanan media, jualan hak-hak rancangan, jualan hak-hak video, kabel dan laser dan pelbagai inventori dagangan, serta penyediaan produksi, pengurusan acara dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan industri ini.

Tiada perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti ini di sepanjang tahun kewangan.

Keputusan kewangan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih selepas cukai Kepentingan minoriti	33,856 3,857	4,474 -
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	37,713	4,474

Dividen

Tiada dividen yang dibayar, diisytihar atau dicadangkan semenjak akhir tahun kewangan Syarikat yang lepas.

Jemaah Pangarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Rezab dan Peruntukan

Semua pindahan penting kepada atau daripada rezab dan peruntukan di sepanjang tahun kewangan terkandung di dalam penyata kewangan.

Pengeluaran Saham-saham dan Lain-lain Sekuriti

Tiada terbitan saham-saham atau lain-lain sekuriti di dalam Syarikat di sepanjang tahun kewangan.

Jemaah Pengarah

Jemaah Pengarah yang memegang jawatan semenjak dari tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak (Dilantik sebagai Pengerusi pada 14 Mac 2005)

Tan Sri Lee Lam Thye

Dato' Dr Mohd Shahari Ahmad Jabar

Abdul Rahman Ahmad

Shahril Ridza Ridzuan

YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail (Perletakan jawatan pada 12 Mac 2005)

Bersesuaian dengan Artikel 101 dan 102 Artikel Penubuhan Syarikat, Abdul Rahman Ahmad dan Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak bersara secara bergilir pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, berkelayakan, menawarkan diri mereka untuk perlantikan semula.

Faedah Jemaah Pengarah

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan Jemaah Pengarah mendapat faedah melalui pembelian saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat, selain daripada Skim Saham Opsyen Pekerja daripada Syarikat yang dinyatakan di bawah.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima faedah (selain daripada ganjaran Jemaah Pengarah dan faedah bukan tunai seperti yang dinyatakan di Nota 5 dalam penyata kewangan) daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah merupakan seorang ahli, atau sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN JEMAAH PENGARAH bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

Kepentingan Saham Jemaah Pengarah

Menurut Daftar Pemegang Saham Jemaah Pengarah, butir-butir kepentingan Jemaah Pengarah yang telah memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham Syarikat adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham-saham Biasa Bernilai RM1.00 sesaham			
	Pada 1.1.2004	Dibeli	Dijual	Pada 31.12.2004
Pegangan saham dalam Syarikat Secara tidak langsung: YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail	101,111,111	-	-	101,111,111

YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dianggap mempunyai kepentingan di dalam 101,111,111 saham Syarikat berdasarkan sejumlah besar kepentingan beliau di dalam Realmild (M) Sdn Bhd, yang mempunyai sejumlah besar kepentingan di dalam Syarikat.

Tiada Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai apa-apa kepentingan di dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

Maklumat Berkanun Mengenai Penyata Kewangan

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, Jemaah Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang memadai telahpun dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) bagi memastikan sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang pada kebiasaannya berkemungkinan tidak dapat merealisasikan nilainya seperti yang tercatat di dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilainya kepada satu jumlah yang dijangka akan dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Jemaah Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapuskan sebagai hutang lapuk ataupun jumlah peruntukan hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat menjadi tidak mencukupi yang akan membawa kesan yang ketara; atau
- (b) yang boleh menimbulkan kekeliruan ke atas nilai yang ditentukan untuk aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; atau
- (c) yang timbul yang mengakibatkan kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan di mana, pada pendapat Jemaah Pengarah akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan tanggungjawab tersebut apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang caj ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, Jemaah Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dibentangkan di dalam laporan ini atau di dalam penyata kewangan yang boleh menjadikan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat Jemaah Pengarah:

- (a) keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara akibat sebarang perkara, urusaniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa; dan

- (b) tidak timbul dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat untuk tahun kewangan yang dilaporkan ini.

Peristiwa-peristiwa penting selepas tarikh kunci kira-kira

- (a) Pada 4 Januari 2005, Syarikat telah memperolehi keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar bernilai RM1.00 sesaham dalam Newslink Asia Sdn Bhd dan Animated & Production Techniques Sdn Bhd untuk balasan tunai sebanyak RM2.00 sesaham. Kedua-dua syarikat merupakan subsidiari milik penuh Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("STMB") yang mana ia sebaliknya adalah subsidiari milik penuh Syarikat.
- (b) Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") Syarikat telah diluluskan oleh para pemegang saham pada 7 Januari 2005 dan mula berkuatkuasa pada 11 Januari 2005 untuk tempoh lima (5) tahun, dan tamat tempoh pada 10 Januari 2010.

Ciri-ciri utama ESOS ialah:

- (i) Jumlah bilangan saham biasa yang akan diterbitkan oleh Syarikat di bawah ESOS seperti yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak harus melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat pada satu-satu masa di sepanjang kewujudan ESOS.
- (ii) Opsyen yang telah diberi boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh opsyen.
- (iii) Harga dilaksana ialah pada diskaun 10% daripada harga pasaran purata pasaran saham untuk lima (5) hari pasaran yang mendahului tarikh tawaran masing-masing bagi opsyen atau nilai tara saham Syarikat yang bernilai RM1.00, tertakluk kepada yang mana lebih tinggi.
- (iv) Opsyen yang diberi di bawah ESOS tidak membawa sebarang dividen atau hak mengundi. Setelah opsyen dilaksanakan, saham yang diterbitkan bertaraf pari passu dari semua segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.
- (v) Orang yang mana opsyen tersebut telah diberikan tidak mempunyai hak untuk mengambil bahagian disebabkan oleh opsyen di dalam mana-mana terbitan saham bagi mana-mana syarikat lain.

Sejumlah 22,734,600 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diberikan kepada 1,028 kakitangan yang layak pada harga opsyen RM1.55 sesaham pada 11 Januari 2005.

Pada tarikh laporan ini, tiada opsyen yang telah diberi dilaksanakan.

Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan persetujuan untuk menyambung perkhidmatannya.

Ditandatangani bagi pihak Jemaah Pengarah dan bersesuaian dengan resolusi mereka bertarikh 18 Mac 2005.

Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak
Pengerusi

Abdul Rahman Ahmad
Pengarah

PENYATA PENDAPATAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Hasil	2	328,405	371,156	23,766	3,883
Lain-lain perolehan operasi		14,687	16,399	-	-
Pelunasan hak-hak rancangan dan filem dan kos penerbitan album		(96,871)	(93,473)	-	-
Kos penerbitan		(3,987)	(5,705)	-	-
Komisen dibayar kepada pihak ketiga		-	(11,525)	-	-
Kos pekerja	3	(74,747)	(89,092)	(2,372)	(485)
Perbelanjaan iklan dan promosi		(17,900)	(13,317)	(122)	(703)
Perbelanjaan pancaran		(5,888)	(6,732)	-	-
Kemudahan utiliti		(7,511)	(9,432)	(43)	(5)
Bayaran profesional		(7,837)	(5,377)	(919)	(168)
Sewa premis		(7,787)	(9,162)	-	-
Sewa stesen pemancar		(6,471)	(6,421)	-	-
Peruntukan hutang ragu untuk hutang:					
- Dagangan dan lain-lain penerimaan		(4,779)	(8,036)	-	-
- Syarikat Bersekutu		-	(1,143)	-	-
Hartanah, loji dan peralatan					
- Susutnilai		(23,685)	(34,421)	(1)	-
- Kerugian dari kemerosotan		-	(43,235)	-	-
- Pelunasan		(47)	(10,146)	-	-
Hapuskira hak-hak rancangan dan filem		(1,057)	(30,971)	-	-
Kegunaan inventori		-	(3,038)	-	-
Penilaian kerja		-	(2,621)	-	-
Perbelanjaan dari skim pemisahan sukarela		-	(4,683)	-	-
Pelunasan penerimaan dagangan		-	(9,774)	-	-
Keuntungan /(kerugian) dari penjualan anak-anak syarikat		2,528	(4,658)	-	-

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Keuntungan dari pengecualian faedah		-	72,310	-	-
Keuntungan dari pengecualian hutang		-	189,930	-	-
Lain-lain perbelanjaan operasi		(24,799)	(32,540)	(2,083)	(1,368)
Keuntungan daripada operasi	4	62,254	214,293	18,226	1,154
Kos kewangan	6	(17,928)	(41,803)	(11,792)	(6,619)
Bahagian keuntungan dari syarikat bersekutu		5,106	5,785	-	-
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		49,432	178,275	6,434	(5,465)
- Syarikat dan anak-anak syarikat	7	(11,407)	(8,776)	(1,960)	(1,087)
- Syarikat Bersekutu	7	(4,169)	(1,620)	-	-
		(15,576)	(10,396)	(1,960)	(1,087)
Keuntungan bersih/(kerugian) selepas cukai		33,856	167,879	4,474	(6,552)
Kepentingan minoriti		3,857	587	-	-
Keuntungan bersih/(kerugian) untuk tahun kewangan		37,713	168,466	4,474	(6,552)
Keuntungan sesaham (sen)					
- asas	8	6.98	46.71		
- cairan	8	5.75	40.97		

Dasar-dasar perakaunan di mukasurat 190 hingga 197 dan nota-nota di mukasurat 198 hingga 243 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA pada 31 Disember 2004

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	31.12.2004 RM'000	31.12.2003 RM'000	31.12.2004 RM'000	31.12.2003 RM'000
Modal dan rezab					
Modal saham	9	540,658	540,658	540,658	540,658
Saham premium	10	27,698	27,698	27,698	27,698
Lain-lain rezab	11	38,529	38,529	11,500	11,500
Kerugian terkumpul		(349,964)	(387,677)	(2,085)	(6,559)
Dana pemegang saham		256,921	219,208	577,771	573,297
Kepentingan minoriti		(1,718)	2,139	-	-
Liabiliti bukan semasa					
Saham pinjaman tidak bercagar boleh ditukarkan tidak boleh ditebus	13	180,000	180,000	180,000	180,000
Bon	14	-	90,124	-	90,124
Saham pinjaman tidak bercagar boleh tebus	15	88,634	88,634	-	-
Nota penggal sederhana	16	70,000	-	70,000	-
Pinjaman bank berfaedah:					
- pinjaman penggal	17	20,313	20,000	-	-
Pemiutang sewabeli dan pajakan	18	218	2,728	-	-
Liabiliti cukai tertunda	19	704	855	-	-
		359,869	382,341	250,000	270,124
		615,072	603,688	827,771	843,421

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	31.12.2004 RM'000	31.12.2003 RM'000	31.12.2004 RM'000	31.12.2003 RM'000
Diwakili oleh:					
Aset-aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	20	161,181	170,451	6	-
Anak-anak syarikat	21	-	-	270,375	266,970
Syarikat-syarikat bersekutu	22	315,990	315,449	399,651	399,651
Pelaburan	23	2,589	2,635	-	-
Sewa stesen pemancar pra-bayar		3,583	3,866	-	-
Aset tidak ketara	24	25,143	16,342	-	-
Jumlah terhutang dari anak syarikat	25	-	-	99,000	99,000
Aset cukai tertunda	19	3,900	-	-	-
		512,386	508,743	769,032	765,621
Aset semasa					
Penghutang dagangan dan lain-lain	26	127,990	107,042	212	5
Inventori	27	1,087	228	-	-
Jumlah terhutang dari anak-anak syarikat	25	-	-	34,290	16,100
Deposit, tunai dan baki bank	28	144,055	134,995	63,573	69,335
		273,132	242,265	98,075	85,440
Ditolak:					
Liabiliti semasa					
Pemiutang dagangan dan lain-lain	29	102,456	111,476	6,242	1,421
Jumlah terhutang kepada anak syarikat	30	-	-	2,380	5,132
Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu	30	849	1,525	-	-
Kertas komersil	16	30,000	-	30,000	-
Faedah atas pinjaman:					
- Pinjaman penggal	17	700	-	-	-
- Overdraf bank	17	434	2,700	-	-
Liabiliti cukai semasa		36,007	31,619	714	1,087
		170,446	147,320	39,336	7,640
Aset semasa bersih		102,686	94,945	58,739	77,800
		615,072	603,688	827,771	843,421

Dasar-dasar perakaunan di mukasurat 190 hingga 197 dan nota-nota di mukasurat 198 hingga 243 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI KUMPULAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

Nota	Saham Biasa bernilai RM1 setiap satu yang diterbitkan dan dibayar penuh		Tidak boleh diagihkan			Jumlah RM'000
	Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000	Saham premium RM'000	Lain-lain rezab (Nota 11) RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	
2004:						
Pada 1 Januari 2004	540,658	540,658	27,698	38,529	(387,677)	219,208
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan	-	-	-	-	37,713	37,713
Pada 31 Disember 2004	540,658	540,658	27,698	38,529	(349,964)	256,921
2003:						
Pada 1 September 2002	263,675	263,675	-	27,029	(436,904)	(146,200)
Hasil dari pembelian syarikat bersekutu:						
- saham-saham terbitan	199,683	199,683	19,968	-	-	219,651
- pelunasan muhibbah	-	-	-	-	(88,763)	(88,763)
Terbitan saham-saham terhad	77,300	77,300	7,730	-	-	85,030
Terbitan waran	-	-	-	11,500	-	11,500
Pelunasan muhibbah daripada pembelian anak syarikat	31	-	-	-	(30,476)	(30,476)
Keuntungan bersih bagi tempoh kewangan	-	-	-	-	168,466	168,466
Pada 31 Disember 2003	540,658	540,658	27,698	38,529	(387,677)	219,208

Dasar-dasar perakaunan di mukasurat 190 hingga 197 dan nota-nota di mukasurat 198 hingga 243 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI SYARIKAT *bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004*

	Saham Biasa bernilai RM1 setiap satu yang diterbitkan dan dibayar penuh		Tidak boleh diagihkan			
	Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000	Saham premium RM'000	Lain-lain rezab (Nota 11) RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
2004:						
Pada 1 Januari 2004	540,658	540,658	27,698	11,500	(6,559)	573,297
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	4,474	4,474
Pada 31 Disember 2004	540,658	540,658	27,698	11,500	(2,085)	577,771
2003:						
Pada 1 September 2002	300	300	-	-	(7)	293
Terbitan saham:						
- pembelian anak syarikat	263,375	263,375	-	-	-	263,375
- pembelian syarikat bersekutu	199,683	199,683	19,968	-	-	219,651
- terbitan terhadap	77,300	77,300	7,730	-	-	85,030
Terbitan waran	-	-	-	11,500	-	11,500
Kerugian bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	(6,552)	(6,552)
Pada 31 Disember 2003	540,658	540,658	27,698	11,500	(6,559)	573,297

Dasar-dasar perakaunan di mukasurat 190 hingga 197 dan nota-nota di mukasurat 198 hingga 243 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Aliran tunai dijana daripada operasi	34	35,450	41,489	(7,850)	(1,753)
Pembayaran cukai		(11,029)	(10,253)	(569)	-
<i>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</i>		24,421	31,236	(8,419)	(1,753)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pembelian anak syarikat	31	-	(3,588)	-	(3,595)
Penjualan anak-anak- syarikat	32	2,198	(922)	-	-
Penerimaan daripada penjualan syarikat bersekutu		326	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan					
- Pembelian		(13,119)	(30,462)	(7)	-
- Penerimaan daripada penjualan		578	4,965	-	-
Wang pendahuluan kepada anak-anak syarikat		-	-	-	(108,000)
Wang pendahuluan kepada syarikat bersekutu		-	(1,112)	-	-
Penerimaan faedah		3,542	3,099	1,901	933
Penerimaan dividen		130	573	-	-
<i>Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan</i>		(6,345)	(27,447)	1,894	(110,662)

		Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
	Nota				
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Penerimaan daripada terbitan kertas komersil/ Nota penggal sederhana		100,000	-	100,000	-
Penebusan bon		(92,797)	-	(92,797)	-
Pembayaran faedah		(15,393)	(5,246)	(9,310)	(2,577)
Penggunaan pinjaman penggal		1,013	-	-	-
Penerimaan daripada terbitan saham-saham		-	85,030	-	85,030
Penerimaan daripada terbitan bon dan waran		-	99,000	-	99,000
Pembayaran pinjaman bank		-	(105,256)	-	-
Pembayaran sewabeli dan pembiayaan pajakan		(2,458)	(3,936)	-	-
<i>Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan</i>		(9,635)	69,592	(2,107)	181,453
Pertambahan bersih/(kekurangan) tunai dan bersamaan tunai sepanjang tahun/tempoh kewangan					
		8,441	73,381	(8,632)	69,038
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun/tempoh kewangan		129,362	55,981	69,335	297
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun/tempoh kewangan	33	137,803	129,362	60,703	69,335

Dasar-dasar perakaunan di mukasurat 190 hingga 197 dan nota-nota di mukasurat 198 hingga 243 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara seragam di dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting yang berkaitan dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos silam, diubahsuai melalui penilaian semula tanah pegang pajak dan bangunan-bangunan tertentu.

Penyata kewangan ini mematuhi piawaian perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan ini adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 yang memerlukan Jemaah Pengarah membuat anggaran dan tanggapan yang memberi kesan kepada jumlah aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan ini. Sepanjang pengetahuan Jemaah Pengarah, walaupun anggaran ini berdasarkan kepada peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada apa yang telah dianggarkan.

(b) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua anak-anak syarikat sehingga akhir tahun kewangan. Anak-anak syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi supaya mendapat faedah daripada operasi tersebut. Anak-anak Syarikat disatukan bermula daripada tarikh kawalan berpindah kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan mulai daripada tarikh kawalan luput. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan perolehan kecuali di mana perolehan anak-anak syarikat memenuhi syarat-syarat untuk menggunakan kaedah perakaunan penggabungan.

Mengikut kaedah perakaunan penggabungan, keputusan-keputusan anak-anak syarikat ditunjukkan seolah-olah penggabungan telahpun berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan yang lalu. Kos pelaburan di dalam penggabungan direkod pada agregat nilai nominal saham ekuiti yang diterbitkan, tunai dan bersamaan tunai serta nilai-nilai saksama lain-lain pertimbangan. Pada tahap penyatuan, perbezaan di antara nilai yang dibawa oleh pelaburan ke atas nilai nominal saham-saham yang diperolehi dibawa kepada rizab penggabungan atau defisit penggabungan yang tidak boleh diagihkan.

Mengikut kaedah perakaunan perolehan, keputusan anak-anak syarikat yang dibeli atau dijual semasa tahun kewangan adalah dimasukkan bermula daripada tarikh pembelian sehingga tarikh penjualannya. Kos pembelian adalah jumlah yang dibayar dan nilai saksama pada tarikh pembelian lain-lain pertimbangan. Pada tarikh pembelian, nilai saksama aset-aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini akan digambarkan di dalam penyata kewangan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pembelian ke atas bahagian nilai saksama aset-aset bersih yang boleh dikenalpasti anak-anak syarikat Kumpulan yang dibeli pada tarikh pembelian digambarkan sebagai muhibbah atau muhibbah negatif.

Urusniaga-urusniaga di antara Kumpulan, baki-baki dan keuntungan yang belum direalisasikan adalah dihapuskan. Kerugian yang belum direalisasikan juga turut dihapuskan melainkan sekiranya kos tidak dapat diperolehi semula. Di mana perlu, penyelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat bagi memastikan kesamaan dasar-dasar perakaunan seperti yang diamalkan oleh Kumpulan.

Kepentingan minoriti dikira sebagai nilai saksama saham milik minoriti selepas pengambilalihan aset-aset atau liabiliti-liabiliti pengambilalih. Pendedahan berasingan juga dibuat bagi kepentingan minoriti.

Keuntungan atau kerugian dari penjualan anak syarikat adalah perbezaan di antara jualan kutipan bersih dan bahagian aset bersih Kumpulan dan perubahan pertukaran matawang asing yang belum diambilkira di dalam penyata kewangan yang disatukan sebelum ini.

(c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian di dalam keputusan-keputusan dasar operasi dan kewangan syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kuasa ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf di dalam penyata kewangan yang disatukan dengan kaedah perakuan ekuiti.

Perakuan ekuiti melibatkan pengiktirafan keputusan bahagian Kumpulan di dalam syarikat bersekutu di dalam penyata kewangan, bagi tahun kewangan tersebut. Pelaburan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa ke dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menggambarkan bahagiannya ke atas aset bersih syarikat-syarikat bersekutu. Perakuan ekuiti dihentikan apabila jumlah pelaburan yang dibawa di dalam syarikat bersekutu mencapai nilai sifar, melainkan Kumpulan menanggung kewajipan atau jaminan terhadap syarikat bersekutu.

Urusniaga-urusniaga keuntungan yang tidak direalisasi di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan sehingga Kumpulan mencapai tahap kepentingan di dalam syarikat bersekutu. Kerugian yang belum direalisasi juga turut dihapuskan kecuali jika urusniaga itu dapat membuktikan terdapat kemerosotan pada aset yang dipindahmilik. Di mana perlu, di dalam menggunakan kaedah ekuiti, penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu telah diubahsuai supaya konsisten dengan dasar-dasar perakuan Kumpulan.

(d) Muhibbah

Muhibbah mewakili lebihan kos pembelian anak-anak syarikat atau syarikat-syarikat bersekutu yang diambilalih ke atas bahagian nilai saksama aset-aset bersih Kumpulan yang diasingkan pada tarikh pengambilalihan.

Muhibbah dihapuskan daripada rizab Kumpulan.

(e) Pelaburan

Pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan terkumpul. Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, nilai yang dibawa oleh pelaburan dinilai dan dilupuskan serta merta ke jumlah yang boleh didapatkan semula. Sila rujuk dasar perakuan Nota (i) berkaitan kemerosotan aset-aset.

Pelaburan di dalam lain-lain pelaburan bukan semasa dinyatakan pada kos dan peruntukan untuk penyusutan nilai telah pun dibuat di mana pada pendapat Jemaah Pengarah, telah terdapat penyusutan nilai dalam pelaburan. Penyusutan ini telah digambarkan sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penyusutan tersebut telah dikenalpasti.

Pelaburan jangka pendek adalah dibawa pada kadar lebih rendah daripada kos dan nilai pasaran.

Semasa penjualan suatu pelaburan, perbezaan di antara jualan kutipan bersih dan jumlah dibawanya dicaj/ dikredit kepada penyata pendapatan.

(f) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Jemaah Pengarah telah menggunakan peruntukan-peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") No 16 "Hartanah, Loji dan Peralatan", yang telah diambilkira oleh Lembaga Piawaian Perakuan Malaysia, yang membenarkan hartanah yang dinilai sebelum ini digunakan pada jumlah yang telah dinilai ditolak susutnilai terkumpul. Sewajarnya, sesetengah bangunan dan tanah pajak milik Kumpulan diambilkira mengikut jumlah yang dinilai pada 1996, yang masih belum dikemaskini.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan kerana ianya dianggap mempunyai jangka hayat yang berkekalan. Tanah pegang pajak jangka panjang dilunaskan pada ansuran yang sama banyak sepanjang jangka hayat pajakan masing-masing di

Susutnilai aset-aset dalam pelaksanaan bermula apabila aset-aset itu telah sedia untuk digunakan.

Bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan, susutnilai dikira untuk menghapuskan kos atau jumlah penilaian aset-aset tersebut dengan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat penggunaan mereka. Kadar susutnilai tahunan ialah:

	%
Bangunan	2 - 5
Loji dan mesin	20 - 25
Pawagam	2 - 5
Peralatan penyiaran dan pancaran	2.9 - 33.3
Peralatan produksi	10 - 20
Peralatan pejabat, perabut dan kelengkapan	10 - 33.3
Ubahsuai pejabat	33.3
Kenderaan	20
Pengubahsuaian aset pegang pajak	6.7 - 33.3

Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, nilai yang dibawa oleh aset-aset dinilai dan dilupuskan serta merta ke jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk dasar perakaunan Nota (i) berkaitan kemerosotan aset-aset.

(g) Aset-aset tidak ketara - hakcipta rancangan dan filem

Hakcipta rancangan dan filem dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan dan kerugian dari kemerosotan, jika ada.

Hakcipta rancangan dan filem diiktiraf berdasarkan kepada penerimaan bahan dan yang telah dikontrakkan. Kos merangkumi kos yang dikontrak dan perbelanjaan langsung. Jumlah yang dilunaskan adalah dikira untuk melupuskan sebahagian kos rancangan dan hak siaran filem bagi mewakili secara saksama hak-hak yang berkaitan untuk dipadankan dengan hasil yang diperolehi daripada hak-hak rancangan dan filem tersebut.

Kadar pelunasan adalah seperti berikut:

	%
Pembelian dengan hakcipta penuh/ hakcipta terbatas (2 kali tayang atau lebih)	
Drama dan filem	
Pada tayangan pertama	60
Pada tayangan kedua	40
Rancangan bersiri dan komedi	
Pada tayangan pertama	100
Pembelian dengan hakcipta terhad (1 tayangan) dan Rancangan-rancangan terbitan sendiri	
	100

Apabila terdapat tanda-tanda kemerosotan, nilai yang dibawa oleh pelaburan dinilai dan dilupuskan serta merta ke jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila rujuk dasar perakaunan Nota (i) berkaitan kemerosotan aset-aset.

(h) Perbelanjaan terdahulu

Perbelanjaan terdahulu adalah berkenaan dengan sewa pajak terdahulu stesen pemancar, yang didebitkan ke dalam penyata pendapatan masing-masing menggunakan kaedah garis lurus sepanjang hayat pajak, dengan jarak di antara 31 dan 36 tahun.

(i) Kemerosotan aset-aset

Hartanah, loji dan peralatan serta lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset-aset tidak ketara, adalah dikaji untuk kerugian dari kemerosotan apabila terdapat peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam suasana yang menunjukkan nilai yang dibawa tidak dapat diperolehi semula. Kerugian dari kemerosotan diiktiraf pada jumlah di mana jumlah aset yang dibawa melebihi jumlah yang diperolehi semula. Jumlah yang diperolehi semula pada harga jualan bersih aset-aset dan nilai yang digunakan, yang mana lebih tinggi. Bagi tujuan penilaian kemerosotan, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah apabila terdapat aliran tunai yang dikenalpasti secara berasingan.

Kerugian dari kemerosotan dicaj ke dalam penyata pendapatan kecuali jika ia ditolak dari penilaian terdahulu di mana ia akan dicaj kepada lebih penilaian semula. Sebarang peningkatan di dalam jumlah perolehan semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali ianya ditolak dari kerugian kemerosotan ke atas aset yang dinilai semula di mana ia akan diiktiraf sebagai lebih penilaian semula.

(j) Penghutang dagangan

Penerimaan dagangan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan dalam tahun kewangan di mana ia dikenalpasti. Anggaran dibuat ke atas hutang ragu berasaskan kepada semakan ke atas semua jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan.

(k) Inventori

Alat-alat ganti yang boleh digunakan

Alat-alat ganti yang boleh digunakan terdiri dari alat-alat ganti pada peralatan penyiaran dan pancaran dan dilunaskan sebaik sahaja digunakan.

Lain-lain inventori

Lain-lain inventori yang kebanyakannya terdiri dari album-album muzikal dan inventori dagangan dinyatakan pada kos atau nilai jualan bersih yang mana lebih rendah, dan ditentukan secara purata wajar. Nilai bersih yang direalisasikan adalah harga anggaran jualan dalam perjalanan biasa perniagaan setelah ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

(l) Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai merangkumi tunai di tangan, baki bank, simpanan semasa, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek yang tinggi tahap kecairannya yang mudah ditukarkan kepada tunai dan tertakluk kepada perubahan nilai yang tidak ketara.

(m) Pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan yang mana kesemua faedah-faedah dan risiko-risiko hakmilik diambilalih oleh Kumpulan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada anggaran nilai terkini bayaran pajakan pada tarikh ianya bermula. Setiap bayaran pajakan diasingkan di antara liabiliti dan caj kewangan supaya dapat mencapai satu kadar berkala faedah yang tetap ke atas baki yang tertunggak. Hutang-hutang sewaan yang berkaitan, setelah ditolak caj kewangan, dimasukkan di bawah tanggungan. Unsur-unsur faedah ke atas caj kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli secara kontrak pajakan kewangan disusutnilai sepanjang anggaran jangka hayat aset tersebut. Di mana tiada ketetapan yang munasabah samada hakmilik itu akan diambilalih oleh Kumpulan, aset tersebut akan disusutnilaikan pada jangka pajak dan hayat penggunaannya, yang mana lebih singkat.

Pajakan beroperasi

Pajakan aset-aset di mana sebahagian besar risiko dan faedah-faedah hakmilik dipegang oleh pemajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan beroperasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan beroperasi dimasukkan ke dalam penyata pendapatan secara garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(n) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan bersesuaian dengan undang-undang percukaian bagi setiap kuasa kehakiman di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk kesemua cukai-cukai yang berdasarkan keuntungan yang boleh dicukai, cukai-cukai tertahan yang dibayar kepada anak-anak syarikat, syarikat bersekutu atau entiti asing yang dikawal bersama ke atas pengagihan perolehan yang disimpan kepada syarikat-syarikat di bawah Kumpulan, dan cukai keuntungan hartanah yang dibayar dari penjualan hartanah.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara dasar-dasar percukaian aset-aset dan liabiliti-liabiliti serta jumlah yang dibawa mereka di dalam penyata kewangan. Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara cukai dan aset-aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang ditolak pada tahap kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai akan diperolehi dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai yang tidak digunakan boleh dipakai.

Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul dari muhibbah atau muhibbah negatif atau dari pengiktirafan asal sesuatu urusan aset atau liabiliti yang bukan percantuman perniagaan dan pada masa urusan, tidak melibatkan keuntungan perakuan atau keuntungan percukaian.

Cukai tertunda diiktiraf pada perbezaan sementara yang timbul dari pelaburan di dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu melainkan sekiranya masa bagi pertukaran perbezaan sementara dapat dikawal dan mungkin perbezaan sementara tersebut tidak akan ditukarkan pada masa yang terdekat ini.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada tempoh di mana aset direalisasikan atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah diaktakan atau akta tersendiri pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan, melainkan jika ia timbul dari urusan yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga akan dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul dari percantuman perniagaan yang berupa perolehan, di mana cukai tertunda akan dimasukkan ke dalam muhibbah yang dihasilkan atau muhibbah negatif.

Cukai tertunda aset-aset dan liabiliti-liabiliti dihapuskan apabila Kumpulan mempunyai hak bertindak dari segi undang-undang untuk menghapuskan dan berhasrat untuk menyelesaikannya samada secara bersih atau merealisasikan aset dan sekaligus menyelesaikan liabiliti.

(o) Faedah-faedah pekerja

(i) Faedah-faedah jangka pendek bagi pekerja

Upah, penggajian, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah bukan berbentuk wang diakru di dalam tahun kewangan di mana perkhidmatan berkaitan dilakukan oleh pekerja Kumpulan.

(ii) Faedah-faedah pasca pekerjaan - perancangan sumbangan yang ditentukan

Sumbangan Kumpulan kepada perancangan sumbangan yang ditentukan termasuk pelan sumbangan yang ditentukan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh di mana ianya berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan-sumbangan tersebut dibayar, Kumpulan tidak lagi bertanggungjawab membayarnya.

(p) Matawang asing

Urusniaga-urusniaga dalam matawang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusan ataupun pada kadar yang dikontrakkan, yang mana bersesuaian. Pada tarikh kunci kira-kira, aset-aset yang berkenaan dengan wang dan liabiliti-liabiliti yang dihasilkan dari urusan dalam matawang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusan atau pada kadar yang dikontrakkan, yang mana bersesuaian. Perubahan pertukaran matawang ada dinyatakan di dalam penyata pendapatan.

Di dalam penyata kewangan Kumpulan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti serta keputusan kewangan anak-anak syarikat yang beroperasi di luar negara telah ditukarkan ke Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan dari pertukaran ini telah diambil kira melalui rizab turun naik kadar pertukaran matawang. Muhibbah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing diiktiraf sebagai aset-aset dan liabiliti-liabiliti Syarikat dan ditukarkan pada kadar pertukaran yang ditetapkan pada tarikh urusan tersebut.

Kadar pertukaran yang digunakan bagi pertukaran matawang asing adalah seperti berikut:

Matawang asing	31.12.2004 RM	31.12.2003 RM
1 Dolar AS (USD)	3.800	3.800
1 Dolar Singapura (S\$)	2.322	2.209
1 Dolar Brunei (B\$)	2.323	2.209
1 Pound Sterling (GBP)	7.308	6.688
1 Euro (EURO)	5.172	4.769
100 Cedi Ghana	0.043	0.058

(q) Pengiktirafan pendapatan

Hasil Syarikat diambilkira daripada persediaan perkhidmatan pembelian kepada anak-anak Syarikat berdasarkan asas terakru.

Pendapatan faedah Syarikat diambilkira pada asas terakru masing-masing pada kadar faedah yang diperolehi dan kadar tetap deposit di institusi kewangan dan wang pendahuluan kepada anak-anak syarikat.

Hasil dari anak-anak syarikat diiktiraf selepas penyerahan produk-produk dan penerimaan pelanggan atau prestasi perkhidmatan atau selepas penyiaran iklan, setelah ditolak diskaun dan rebat jualan, jika ada.

Hasil dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

Pendapatan faedah Kumpulan diiktiraf pada asas terakru berdasarkan kadar faedah yang diperolehi.

(r) Liabiliti-liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah tanggungjawab yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lalu di mana kewujudannya akan ditentukan oleh peristiwa akan datang yang tidak menentu di luar kawalan Kumpulan atau tanggungjawab masakini yang belum diiktiraf kerana kemungkinan aliran keluar sumber-sumber tidak diperlukan bagi menjelaskan tanggungjawab tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul di dalam keadaan yang jarang sekali berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak boleh diukur secara yang boleh dipercayai.

(s) Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dikenakan hak perundangan atau mempunyai tanggungjawab yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lalu, yang berkemungkinan menyebabkan pengaliran keluar sumber-sumber bagi menyelesaikan tanggungjawab tersebut, dan apabila jumlah anggaran yang boleh dipercayai diambilkira. Di mana Kumpulan menjangka terdapat pembayaran semula, ianya akan diiktiraf sebagai aset berasingan sekiranya pembayaran semula tersebut dapat dipastikan.

(t) Instrumen-instrumen hutang

Instrumen-instrumen hutang yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

- (i) Saham pinjaman tidak bercagar boleh ditukar tidak boleh tebus ("ICULS")
- (ii) Saham pinjaman tidak bercagar boleh tebus ("RULS")
- (iii) Bon
- (iv) Waran
- (v) Kertas komersil/pinjaman penggal sederhana ("CP/MTN")

(q) Pengiktirafan

Nilai yang dibawa instrumen-instrumen hutang yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah nilai nominal instrumen-instrumen hutang tersebut ditolak diskaun yang disusutnilai atau ditambah dengan premium yang tidak disusutnilai di atas penerbitan, jika ada. Diskaun atau premium di atas penerbitan disusutnilai di penyata pendapatan pada asas hasil terkumpul di sepanjang tempoh instrumen-instrumen hutang tersebut. Pembayaran kupon-kupon yang timbul dari instrumen-instrumen hutang dicaj ke penyata pendapatan pada asas terakru.

Kumpulan telah mengambil kesempatan ke atas peruntukan-peruntukan peralihan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia No.24 "Instrumen-instrumen Kewangan: Pendedahan dan Peragaan" berkaitan klasifikasi kompaun instrumen-instrumen kewangan. Oleh yang demikian, saham pinjaman tidak bercagar boleh ditukar tidak boleh tebus ('ICULS') yang diterbitkan oleh Syarikat telah diklasifikasikan sebagai liabiliti-liabiliti.

Waran-waran telah diperagakan sebagai sebahagian daripada lain-lain rizab pada nilai yang dibawa berdasarkan pada harga terbitannya.

(u) Rizab waran

Pendapatan daripada terbitan waran, kos bersih terbitan, adalah dikreditkan ke waran simpanan yang tidak boleh diagihkan. Waran simpanan akan dipindahkan ke akaun saham premium bila waran digunakan dan waran simpanan berkaitan kepada waran yang tidak digunakan pada tamat tempoh waran akan dipindahkan ke keuntungan simpanan.

(v) Analisa segmen

Analisa segmen diperagakan bagi meningkatkan lagi penilaian ke atas risiko dan pulangan Kumpulan. Segmen-segmen perniagaan menyediakan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza dari lain-lain segmen perniagaan. Segmen geografi menyediakan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan di dalam persekitaran ekonomi tertentu yang tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berbeza dari lain-lain komponen yang beroperasi di persekitaran ekonomi yang lain.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah jumlah yang dihasilkan dari aktiviti-aktiviti operasi sesuatu segmen yang berpunca secara langsung kepada segmen tersebut dan bahagian relevan yang boleh diagihkan atas dasar yang munasabah kepada segmen tersebut. Segmen hasil, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti ditentukan sebelum baki antara kumpulan dan urusanniaga-urusanniaga antarakumpulan dihapuskan sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali ke tahap di mana baki dan urusanniaga antarakumpulan adalah di antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan yang terdapat di dalam satu segmen.

(w) Instrumen-instrumen kewangan

(i) Butiran-butiran

Instrumen kewangan adalah apa-apa kontrak yang menimbulkan aset kewangan untuk sesuatu syarikat dan instrumen liabiliti atau ekuiti syarikat yang lain.

Aset kewangan adalah apa-apa aset tunai, hak secara kontrak untuk menerima tunai atau lain-lain aset kewangan dari syarikat yang lain, hak secara kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan lain-lain syarikat dengan syarat ianya mempunyai potensi yang menguntungkan, atau sesuatu instrumen ekuiti syarikat yang lain.

Liabiliti kewangan adalah apa-apa liabiliti yang mempunyai kewajipan secara kontrak untuk membayar tunai atau aset kewangan lain untuk syarikat yang lain, atau menukarkan instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat yang lain dengan syarat ianya mempunyai potensi yang tidak memuaskan.

(ii) Instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu yang digunakan di dalam instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf di dalam kunci kira-kira didedahkan di dalam nota perakaunan individu yang berkaitan.

(iii) Anggaran nilai saksama bagi tujuan pendedahan

Nilai saksama sekuriti awam yang diniagakan adalah berdasarkan kepada harga-harga pasaran yang disebut pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menentukan nilai saksama instrumen-instrumen kewangan, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran yang disebut atau sebutan pedagang untuk instrumen yang spesifik atau yang sama dengannya digunakan untuk hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan dasar, seperti nilai diskaun aliran tunai akan datang dan asas aset bersih instrument tersebut, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi baki instrumen-instrumen kewangan. Terutamanya, nilai saksama liabiliti-liabiliti kewangan dianggarkan dengan menolak kontrak aliran tunai akan datang pada kadar kaedah pasaran semasa yang didapati oleh Kumpulan untuk instrumen-instrumen kewangan yang sama.

Nilai yang dibawa oleh aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan yang tamat tempohnya kurang daripada setahun dianggap hampir pada nilai saksama mereka.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

1 Maklumat Am

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan persediaan perkhidmatan pembelian untuk anak-anak syarikat.

Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan di sepanjang tahun kewangan ini merangkumi pegangan pelaburan, penyiaran televisyen komersil, keseluruhan pengiklanan media, jualan hak-hak rancangan, jualan hak-hak video, kabel dan laser dan pelbagai inventori dagangan, serta penyediaan produksi, pengurusan acara dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan industri ini.

Tiada perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti ini di sepanjang tahun kewangan.

Jumlah kakitangan pada akhir tahun kewangan adalah masing-masing seramai 1,110 (31.12.2003: 1,070) pekerja Kumpulan dan 5 (31.12.2003: 3) pekerja Syarikat.

Syarikat ini adalah syarikat liabiliti terbatas, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")

Alamat berdaftar pejabat dan tempat utama perniagaan Syarikat adalah seperti berikut:

Sri Pentas
No. 3, Persiaran Bandar Utama
Bandar Utama
47800 Petaling
Selangor Darul Ehsan

Perbandingan pendapatan dan penyata aliran tunai, penyata pertukaran ekuiti dan nota-nota yang berkaitan adalah untuk tempoh 16 bulan berakhir 31 Disember 2003. [1 Maklumat Am](#)

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan persediaan perkhidmatan pembelian untuk anak-anak syarikat.

Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan di sepanjang tahun kewangan ini merangkumi

2 Hasil

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Pendapatan faedah	1,902	934	8,082	3,883
Yuran daripada peruntukan untuk persediaan perkhidmatan pembelian	-	-	9,384	-
Pendapatan pengiklanan	318,011	342,796	-	-
Jualan hak-hak program, video, kabel dan laser serta jualan media	5,387	4,178	-	-
Jualan barang-barang "home shopping" dan lain-lain inventori dagangan	273	12,323	-	-
Yuran daripada peruntukan untuk perkhidmatan penerbitan, tajaan dan perkhidmatan pengurusan acara	2,803	5,305	-	-
Yuran daripada peruntukan lain-lain perkhidmatan berkaitan industri	29	5,620	-	-
Dividen kasar daripada anak syarikat	-	-	6,300	-
	328,405	371,156	23,766	3,883

3 Kos-kos pekerja

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Upah, gaji dan bonus	60,036	71,125	1,998	410
Takrifan sumbangan rancangan persaraan	8,539	9,347	319	70
Lain-lain faedah kakitangan	6,172	8,620	55	5
	74,747	89,092	2,372	485

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004

4 Keuntungan daripada operasi

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000	Tahun berakhir 31.12.2004 RM'000	16 bulan berakhir 31.12.2003 RM'000
Keuntungan daripada operasi dinyatakan selepas dikenakan:				
Royalti	1,529	1,657	-	-
Yuran juruaudit	209	237	27	27
